



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG TAHUN 2005



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA**

**PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
TAHUN 2005**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	iii
<u>INTI SARI LAPORAN</u>	vii
<b><u>BAHAGIAN I : PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG</u></b> <b>BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005</b>	
<u>Pendahuluan</u>	1
<u>Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri</u>	2
<u>Analisis Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri</u>	2
<u>Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK-8</u>	16
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	18
<b><u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	19
<u>Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri</u>	19
<u>Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan</u>	36
<u>Program Penampilan Audit</u>	44
<u>Program Anak Angkat</u>	48
<b><u>BAHAGIAN III : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM</u></b> <b>DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	
<u>Pendahuluan</u>	52
<u>Pengauditan Penyata Kewangan</u>	52
<u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan</u>	53
<u>Persijilan Penyata Kewangan</u>	53
<u>Pembentangan Penyata Kewangan</u>	54
<u>Prestasi Kewangan</u>	54

<u>Perbadanan Stadium Darul Makmur</u>	60
Pengurusan Kewangan	
<u>Majlis Daerah Jerantut</u>	73
Pengurusan Kewangan	

#### **BAHAGIAN IV : PERKARA AM**

<u>Pendahuluan</u>	85
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam	85
<u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004</u>	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai	92
<u>Penyata Kewangan</u>	
<u>Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri</u>	92

<b>PENUTUP</b>	96
----------------	----

#### **LAMPIRAN**

<b><u>I</u></b> <u>Sijil Ketua Audit Negara</u>	97
<b><u>II</u></b> Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum dan Penyata Akaun Hasil Disatukan	98
<b><u>III</u></b> Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan <u>Sehingga 31 Mei 2006</u>	101
<b><u>IV</u></b> Pensijilan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan <u>Sehingga 31 Mei 2006</u>	102
<b><u>V</u></b> Pembentangan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan <u>Sehingga 31 Mei 2006</u>	103

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2005 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2005 melalui 2 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2005, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 860 baucar bayaran bernilai RM28.61 juta dan sebanyak 1,916 penyata pemungut bernilai RM48.28 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri telah dijalankan.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Jabatan/Agensi Negeri Pahang pada tahun 2005 secara umumnya, telah menunjukkan peningkatan dalam pengurusan kewangannya berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada pandangan saya, prestasi pengurusan kewangan boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangannya. Pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

**5.1 Program Anak Angkat** - Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan auditi bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan bersifat '*fault finder*' yang hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Pada tahun 2005, program ini telah dilaksanakan di Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis, Jabatan Agama Islam Pahang, Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Lipis. Manakala program tahun 2004, Majlis Daerah Rompin telah selesai dijalankan dan telah menunjukkan perubahan terhadap penyerahan penyata kewangan. Namun begitu, program ini masih lagi diteruskan pada tahun 2006 bagi Majlis Daerah Lipis. Harapan saya agar Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekal dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

**5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan** - Penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar telah meningkat dari tahun ke tahun. Sehubungan itu, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada pertengahan bulan November 2003.

**5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer** - Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan sewajarnya dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 4 Bahagian seperti berikut:

**Bahagian I** : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun  
Berakhir 31 Disember 2005


**Bahagian II** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri

**Bahagian III** : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa  
Tempatan

**Bahagian IV** : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia.**

**Putrajaya**

**27 Julai 2006**



## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2005 telah dapat disahkan. Butiran di Lembaran Imbangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.
2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang berdasarkan Lembaran Imbangan adalah kurang kukuh memandangkan aset berjumlah RM265.15 juta tidak dapat menampung tanggungan yang berjumlah RM425.30 juta. Manakala mengikut Penyata Akaun Memorandum aset berjumlah RM309.60 juta tidak dapat menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.58 billion.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri**

3. Beberapa langkah proaktif yang diambil oleh Pejabat telah meningkatkan tahap pematuhan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, pemantauan berterusan masih diperlukan terhadap beberapa aspek seperti penyediaan flimsi, tunggakan hasil yang semakin meningkat, kawalan terhadap pembayaran tunai, cek batal, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a), kelewatan penyerahan penyata pemungut oleh bank kepada Perbendaharaan Negeri untuk diproses, penyediaan penyata penyesuaian dan kawalan cek tidak laku.

#### **Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan**

4. Pada keseluruhannya kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan kawalan pengurusan adalah memuaskan. Namun begitu, pengurusan aset Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan pegawai mereka mematuhi peraturan kewangan. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat melaksanakan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

### **Program Penampilan Audit**

5. Program Penampilan Audit diperkenalkan sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan. Pada tahun 2005, sebanyak 34 Pejabat telah dipilih bagi tujuan Program Penampilan Audit. Pemeriksaan Audit mendapati rekod perakaunan seperti Buku Tunai, Buku Vot dan Daftar Bil perlu diselenggarakan dengan kemas kini dan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

### **Program Anak Angkat**

6. Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Pada tahun 2005, sebanyak 3 Jabatan/Agensi Negeri telah dipilih iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis, Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Lipis. Selain itu, Jabatan Audit Negara masih lagi meneruskan Program Anak Angkat melibatkan Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Sebanyak 3 Jabatan/Agensi Negeri telah berjaya mencapai matlamat program iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis, Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Manakala program ini di Jabatan Agama Islam Pahang telah ditamatkan kerana tidak dapat mencapai matlamat ditetapkan walaupun setelah 2 tahun program dijalankan. Pihak Audit akan membuat pemantauan untuk menilai kedudukan terkini Jabatan/Agensi Negeri terbabit dan merancang program selanjutnya.

**BAHAGIAN I**  
**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

**1. PENDAHULUAN**

**1.1** Penyata Kewangan yang berkembar bersama Laporan ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum serta Penyata Hasil dan Perbelanjaan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2005.

**1.2** Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 7 bulan tahun berikutnya untuk diaudit. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 kepada Jabatan Audit Negara pada 15 Mei 2006.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatan serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Untuk menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah material, faktor yang diambil kira adalah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu timbul.

**1.4** Mulai tahun 2004, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS) bagi transaksi perakaunan Jabatan Negeri. Dengan menggunakan sistem perakaunan yang baru ini, beberapa usaha dan langkah untuk mempercepat dan meningkatkan mutu penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah dijalankan seperti berikut:

- a) Pemantauan berterusan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dengan mengeluarkan pekeliling kepada Pegawai Pengawal berhubung dengan penutupan akaun tahunan.

- b) Mengadakan latihan, khidmat nasihat dan perbincangan dengan kakitangan di Jabatan mengenai masalah yang timbul mengenai urusan SPEKS.
- c) Mengeluarkan arahan kepada Jabatan berkenaan pelaksanaan penyesuaian Buku Vot secara automatik.
- d) Bermesyuarat dengan Pegawai Pengawal berkaitan masalah menyelenggara akaun deposit dan akaun amanah. Selain itu, tindakan diambil dengan menutup akaun amanah yang tidak aktif.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**2.1** Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi pada persembahan Penyata Kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2005.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan ini dan ringkasan Penyata Kewangan yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

**2.2** Prestasi persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus ditingkatkan.

## **3. ANALISIS TERHADAP PENYATA KEWANGAN**

**3.1** Analisis Penyata Kewangan dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2005 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2004. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, manakala

Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang.

### 3.2 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

**3.2.1** Kedudukan kewangan sesebuah Negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan**  
**Mengikut Lembaran Imbangan**

Bil.	Butiran	Tahun 2004	Tahun 2005	Peningkatan/ (Penurunan)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	95.76	168.49	72.73
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada:	195.85	96.14	(99.71)
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>(221.18)</i>	<i>(286.72)</i>	<i>65.54</i>
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>193.97</i>	<i>165.01</i>	<i>(28.96)</i>
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>101.36</i>	<i>91.04</i>	<i>(10.32)</i>
	<i>iv) Deposit</i>	<i>121.70</i>	<i>126.81</i>	<i>5.11</i>
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.52	0.52
<b>Jumlah</b>		<b>291.61</b>	<b>265.15</b>	<b>(26.46)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**3.2.2** Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2005 adalah RM265.15 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM140.01 juta dan pelaburan sejumlah RM125.14 juta. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM26.46 juta daripada RM291.61 juta pada tahun 2004 kepada RM265.15 juta pada tahun 2005. Penurunan ini disumbangkan oleh peningkatan defisit

Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM99.71 juta yang terdiri daripada defisit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM28.96 juta dan defisit Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM10.32 juta. Selain itu, Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan masing-masing menyumbang peningkatan sejumlah RM72.73 juta dan RM521,878. Dengan ini, penurunan bersih Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM28.24 juta adalah selepas mengambil kira peningkatan Akaun Kena Bayar yang berjumlah RM1.78 juta. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah kurang kukuh kerana jumlah aset yang dimiliki berjumlah RM265.15 juta tidak dapat menampung keseluruhan tanggungan yang berjumlah RM425.30 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar sejumlah RM11.86 juta, deposit sejumlah RM126.81 juta dan tunggakan hutang Kerajaan Negeri sejumlah RM286.83 juta.

**3.2.3** Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Aset Dan Tanggungan**  
**Mengikut Penyata Akaun Memorandum**

Bil.	Butiran	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	<u>Aset</u>			
	Tunggakan Hasil	67.31	59.30	(8.01)
	Pinjaman Boleh Tuntut	247.04	249.92	2.88
	Pelaburan	0.38	0.38	-
	<b>Jumlah Aset</b>	<b>314.73</b>	<b>309.60</b>	<b>(5.13)</b>
2.	<u>Tanggungan</u>			
	Hutang Kerajaan Negeri	1,522.01	1,587.93	65.92
	<b>Jumlah Tanggungan</b>	<b>1,522.01</b>	<b>1,587.93</b>	<b>65.92</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

**3.2.4** Jumlah aset yang ditunjukkan mengikut Penyata Akaun Memorandum menurun sejumlah RM5.13 juta menjadi RM309.60 juta pada akhir tahun 2005 berbanding RM314.73 juta pada akhir tahun 2004. Penurunan ini disebabkan tunggakan hasil yang

menurun sejumlah RM8.01 juta menjadi RM59.30 juta berbanding RM67.31 juta pada tahun 2004. Selain itu, aset ini juga terdiri daripada Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan yang berjumlah RM249.92 juta dan RM376,912. Bagi tempoh jangka panjang, jumlah keseluruhan aset ini tidak mampu untuk menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.58 bilion.

**Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang berdasarkan Lembaran Imbangan adalah kurang kukuh memandangkan jumlah aset yang dimiliki berjumlah RM265.15 juta tidak dapat menampung jumlah tanggungan keseluruhan yang berjumlah RM425.30 juta. Manakala Penyata Akaun Memorandum juga menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang kurang kukuh memandangkan jumlah aset berjumlah RM309.60 juta tidak dapat menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.58 billion.**

## **LEMBARAN IMBANGAN**

### **3.3 AKAUN HASIL DISATUKAN**

**3.3.1** Kerajaan Negeri mengutip hasil yang terdiri daripada 3 kategori iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai merupakan hasil yang dikutip berdasarkan perundangan, Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang diterima berdasarkan perkhidmatan yang diberi manakala Terimaan Bukan Hasil pula merupakan terimaan bagi semua pulangan balik perbelanjaan. Pada tahun 2005, Akaun Hasil Disatukan mencatat lebih sejumlah RM72.73 juta berbanding RM95.62 juta pada tahun 2004. Lebih ini berpunca daripada kutipan hasil yang diperoleh berjumlah RM485.70 juta berbanding perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM412.97 juta pada tahun 2005.

#### **3.3.2 Hasil**

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri terus mencatat penurunan sejumlah RM342,462 iaitu daripada RM486.04 juta pada tahun 2004 menjadi RM485.70 juta pada tahun 2005. Perbandingan kutipan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2004 dan 2005 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Pungutan Hasil Negeri Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Kategori	Tahun 2004	Tahun 2005	Lebih/ (Kurangan)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Hasil Cukai	98.63	108.87	10.24
2.	Hasil Bukan Cukai	297.29	281.70	(15.59)
3.	Terimaan Bukan Hasil	90.12	95.13	5.01
<b>Jumlah</b>		<b>486.04</b>	<b>485.70</b>	<b>(0.34)</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

Analisis Audit mendapati pada tahun 2005, hasil Kerajaan Negeri telah diklasifikasikan kepada 176 jenis butiran hasil. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 butiran hasil telah mengalami peningkatan melebihi 50% berjumlah RM17.03 juta manakala 52 butiran hasil mengalami penurunan melebihi 50% berjumlah RM69.36 juta. Berikut adalah butiran hasil yang mencatat peningkatan dan penurunan yang ketara.

**a) Peningkatan Hasil Yang Ketara**

**i. Terimaan Bayaran Balik Pokok Dari Agensi**

Pada tahun 2005, terimaan bayaran balik pokok dari agensi telah meningkat kepada RM9.73 juta berbanding RM479,144 pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan bayaran balik (Sumber Persekutuan) oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang bagi pinjaman yang dijadualkan semula.

**ii. Keuntungan Akaun Pelaburan Al Mudarabah**

Keuntungan akaun pelaburan telah meningkat sejumlah RM2.06 juta daripada RM1.80 juta pada tahun 2004 kepada RM3.86 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan baki akaun simpanan tetap dari RM99 juta pada tahun 2004 kepada RM115 juta pada tahun 2005.

**iii. Deposit Tak Tuntut**

Deposit tak tuntutan telah meningkat sejumlah RM1.88 juta daripada RM151,699 pada tahun 2004 menjadi RM2.03 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini adalah disebabkan deposit yang telah diwartakan tidak dituntut selepas 3 bulan.



## b) Penurunan Hasil yang Ketara

### i. Jualan Saham Tak Tersiar Harga

Pada tahun 2005, tiada jualan saham tak tersiar harga dibuat berbanding pada tahun 2004 yang mencatat keuntungan jualan sejumlah RM22.69 juta.

### ii. Premium Tanah Biasa Borang 5A

Kutipan hasil premium tanah didapati menurun sejumlah RM15.47 juta iaitu daripada RM21.73 juta pada tahun 2004 menjadi RM6.25 juta pada tahun 2005. Penurunan ini disebabkan kekurangan permohonan tanah yang melebihi 4 hektar yang diterima pada tahun 2005.

### iii. Jualan Saham Syarikat Tersiar Harga

Jualan saham tersiar harga mencatat penurunan keuntungan jualan berjumlah RM5.47 juta daripada RM6.54 juta tahun 2004 menjadi RM1.07 juta pada tahun 2005. Penurunan ini adalah disebabkan penjualan sebanyak 3,316,848 unit saham Amanah Saham Wanita (ASNITA) dan 72,000 unit saham Syarikat MISC Berhad yang harga jualannya tidak pernah melepasi harga kos semasa dibeli.

Analisis jumlah pungutan hasil dari tahun 2001 sehingga 2005 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Pungutan Hasil Negeri Bagi Tahun 2001 Hingga 2005**

Bil.	Kategori	Tahun 2001 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	89.81	93.24	89.55	98.63	108.87
2.	Hasil Bukan Cukai	224.35	222.37	246.69	297.29	281.70
3.	Terimaan Bukan Hasil	27.60	43.30	84.38	90.12	95.13
<b>Jumlah</b>		<b>341.76</b>	<b>358.91</b>	<b>420.62</b>	<b>486.04</b>	<b>485.70</b>

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

### 3.3.3 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM8.92 juta iaitu daripada RM390.42 juta pada tahun 2004 menjadi RM412.98 juta pada

tahun 2005. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	164.32	167.40	3.08
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	77.43	81.23	3.80
3.	Aset	5.77	8.26	2.49
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	141.31	154.89	13.58
5.	Perbelanjaan Lain	1.59	1.20	(0.39)
<b>Jumlah</b>		<b>390.42</b>	<b>412.98</b>	<b>22.56</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

Analisis Audit seterusnya menunjukkan butiran perbelanjaan mengurus yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara.

**a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara**

**i. Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap**

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM13.58 juta daripada RM141.31 juta pada tahun 2004 menjadi RM154.89 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini disebabkan pelarasan bayaran balik di bawah hapus kira takrif Bekalan Air Luar Bandar bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan juga bayaran ganjaran tamat kontrak/perkhidmatan bagi pekerja kontrak di Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**ii. Perkhidmatan Dan Bekalan**

Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Dan Bekalan telah meningkat sejumlah RM3.80 juta daripada RM77.43 juta tahun 2004 menjadi RM81.23 juta pada tahun 2005. Punca utama peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan pertambahan perbelanjaan keraian dan penyenggaraan kenderaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

## b) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara

### i. Perbelanjaan Lain

Perbelanjaan Lain menunjukkan penurunan sejumlah RM383,219 daripada RM1.59 juta pada tahun 2004 menjadi RM1.20 juta pada tahun 2005. Penurunan ini disebabkan pengurangan bagi bayaran pulangan balik, hapuskira dan bayaran lain yang dilakukan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri.

Analisis perbelanjaan mengurus bagi tahun 2001 sehingga 2005 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2001 Hingga 2005**

Bil.	Kategori	Tahun 2001 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)
1.	Emolumen	135.80	155.12	158.80	164.32	167.40
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	64.76	69.25	76.29	77.43	81.23
3.	Aset	5.13	5.37	5.90	5.77	8.26
4.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	135.41	117.83	98.92	141.31	154.89
5.	Perbelanjaan Lain	0.48	2.38	1.21	1.59	1.20
<b>Jumlah</b>		<b>341.58</b>	<b>349.95</b>	<b>341.12</b>	<b>390.42</b>	<b>412.98</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

### 3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Akaun ini terdiri daripada akaun pinjaman bagi Projek Bekalan Air, Projek Badan Berkanun, Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Lain. Pada akhir tahun 2005, baki Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM521,878 berbanding tahun 2004 yang tiada berbaki. Ini disebabkan oleh pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang pada tahun 2004 yang telah diselaras semula ke Akaun Badan-Badan Pembinaan pada tahun 2005.

### **3.5 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**3.5.1** Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Awam, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2005 adalah berjumlah RM96.14 juta menurun sejumlah RM99.71 juta berbanding sejumlah RM195.85 juta pada akhir tahun 2004. Baki awal tahun 2005 bagi Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit berbeza berbanding baki akhir tahun 2004. Ini disebabkan antara lain berlakunya pengeluaran sejumlah RM40 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Awam bagi pelarasan caruman ke Akaun Hasil Disatukan dan pewujudan Akaun Amanah Dana Khas berjumlah RM25 juta. Selain itu, bagi Akaun Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM20 juta merupakan bayaran balik pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan. Merujuk kepada Piawaian Perakaunan yang telah diguna pakai, mulai tahun 2005, Akaun Kena Bayar dipindahkan di bawah Akaun Wang Amanah Kerajaan.

#### **3.5.2 Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bertujuan untuk membiayai projek pembangunan Negeri. Pada akhir tahun 2005, Kerajaan Negeri telah berbelanja sejumlah RM67.80 juta berbanding peruntukannya yang berjumlah RM 90.71 juta. Jumlah perbelanjaan tersebut adalah dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2005, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat defisit semasa berjumlah RM2.38 juta menjadikan baki defisit terkumpul kumpulan wang ini berkurangan kepada RM156.27 juta. Penurunan defisit terkumpul ini disebabkan adanya pemberian pertambahan hasil berjumlah RM13.52 juta dan peningkatan hasil jualan rumah kos rendah berjumlah RM14.60 juta.

#### **3.5.3 Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ini ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air) dan Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Pahang Bil. 83 Tahun 1958. Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan penyenggaraan bekalan air yang berulang dan tidak berulang. Perbelanjaan berulang ialah perbelanjaan yang dilakukan pada setiap tahun yang melibatkan perbelanjaan penyenggaraan dan perbelanjaan tidak berulang merupakan perbelanjaan yang dilakukan mengikut keperluan semasa. Pada tahun 2005,

perbelanjaan bekalan air adalah berjumlah RM221.82 juta iaitu meningkat sejumlah RM33.74 juta berbanding RM188.08 juta pada tahun 2004. Peruntukan perbelanjaan bekalan air bagi perbelanjaan berulang yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM62 juta dan perbelanjaan tidak berulang diterima daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan sejumlah RM163.66 juta dan Kerajaan Negeri sejumlah RM6.07 juta. Selain itu, baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2005 mengalami lebihan semasa sejumlah RM67.92 juta menjadikan defisit terkumpul berjumlah RM130.44 juta berbanding RM62.53 juta pada tahun 2004. Peningkatan defisit yang ketara disebabkan adanya caruman diterima daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM68.07 juta bagi menampung perbelanjaan Bekalan Air berulang dan tidak berulang cara langsung berjumlah RM66.31 juta. Selain itu, sejumlah RM85.20 juta merupakan pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek bekalan air iaitu sebuah projek baru dan 16 projek sedia ada.

#### **3.5.4 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pada akhir tahun 2005, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah menurun menjadi RM165.01 juta berbanding RM193.97 juta pada akhir tahun 2004. Penurunan baki ini adalah disebabkan bayaran balik pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM20 juta dan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun berjumlah RM1 juta.

#### **3.5.5 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam menurun daripada RM101.36 juta pada tahun 2004 menjadi RM91.04 juta pada akhir tahun 2005. Faktor penurunan tersebut adalah berpunca daripada pengeluaran sejumlah RM40 juta bagi pelarasan caruman Akaun Amanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan ke Akaun Hasil Disatukan. Selain itu, ia juga disebabkan pewujudan akaun baru iaitu Akaun Amanah Dana Khas berjumlah RM25 juta dan pertambahan dalam kutipan ses Kumpulan Wang Pembangunan Hutan berjumlah RM4.80 juta.

#### **3.5.6 Deposit**

Pada akhir tahun 2005, baki 94 akaun deposit berjumlah RM126.81 juta berbanding tahun 2004 berjumlah RM121.70 juta. Faktor peningkatan disebabkan pertambahan deposit tanah yang diterima bagi urusan pertukaran syarat tanah Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan berjumlah RM3.10 juta dan wang jaminan pelaksanaan bagi Jabatan Bekalan Air berjumlah RM2.06 juta.

### **3.5.7 Akaun Kena Bayar**

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barangan dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2005 yang bayarannya dibuat pada bulan Januari 2006 menggunakan peruntukan tahun 2005. Perbelanjaan Akaun Kena Bayar pada tahun 2005 adalah berjumlah RM11.86 juta mencatat peningkatan berbanding tahun 2004 berjumlah RM10.08 juta. Jumlah ini adalah bagi perbelanjaan mengurus sahaja berikutan arahan Pejabat Perbendaharaan Negeri yang tidak membenarkan perbelanjaan pembangunan dibayar melalui Akaun Kena Bayar.

## **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

### **3.6 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Pinjaman Boleh Dituntut telah meningkat daripada RM247.04 juta pada tahun 2004 menjadi RM249.92 juta pada akhir tahun 2005. Peningkatan ini disebabkan pada tahun 2005 satu pinjaman baru telah diluluskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berjumlah RM15.72 juta bagi membiayai Projek Caj Sambungan Projek Bekalan Elektrik dan Bayaran Pampasan Pengambilan Balik Tanah Kawasan Perindustrian Gebeng Fasa II dan III. Selain itu, empat Agensi iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang, Amanah Saham Pahang, Yayasan Pahang dan Majlis Perbandaran Temerloh telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM15.68 juta. Analisis Audit mendapati pada tahun 2005, Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM98.26 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM23.61 juta dan tunggakan tahun lalu sejumlah RM74.65 juta. Bagaimanapun, Agensi hanya menjelaskan ansuran pinjaman sejumlah RM15.68 juta atau 16% sahaja menyebabkan baki ansuran pinjaman pada akhir tahun 2005 tertunggak sejumlah RM82.58 juta. Kedudukan ansuran pinjaman Agensi yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri berbanding dengan bayaran sebenar yang dibuat pada tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Tunggakan Ansuran Bayaran Balik Oleh Agensi Pada Tahun 2005**

Bil.	Butiran Pinjaman	Ansuran Pinjaman	
		Sepatut Dijelaskan (RM Juta)	Bayaran Sebenar (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	27.22	0
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	19.28	12.86
3.	Yayasan Pahang	1.55	1.55
4.	Amanah Saham Pahang	47.22	1.00
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.23	0
6.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.50	0.27
7.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1.26	0
<b>Jumlah</b>		<b>98.26</b>	<b>15.68</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

### 3.7 WANG TUNAI DAN PELABURAN

#### 3.7.1 Simpanan Tetap

Simpanan Tetap telah meningkat sejumlah RM16 juta menjadi RM115 juta pada tahun 2005 berbanding RM99 juta pada tahun 2004. Peningkatan jumlah simpanan tetap adalah disebabkan lebih kutipan hasil yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri. Ini telah meningkatkan keuntungan simpanan tetap sejumlah RM2.06 juta menjadi RM3.86 juta pada tahun 2005 berbanding RM1.80 juta pada tahun 2004.

#### 3.7.2 Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri adalah merupakan pelaburan saham. Pada tahun 2005, baki pelaburan menunjukkan penurunan daripada RM126.69 juta pada tahun 2004 menjadi RM125.14 juta pada tahun 2005. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penjualan 3,316,848 unit saham ASNITA dan 72,000 unit saham Syarikat MISC Berhad yang bernilai RM1.54 juta. Selain itu, semakan Audit juga mendapati perkara seperti berikut:

- a) Semua pelaburan saham termasuk saham amanah diurus sendiri oleh Kerajaan Negeri kecuali 5 syarikat saham yang tersenarai di Bursa Saham.
- b) Semua urusan niaga saham mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- c) Semua dividen saham tahun 2005 yang berjumlah RM6.66 juta telah diterima dan diperakau dengan sempurna.
- d) Rekod pelaburan diselenggara dengan lengkap dan dikemaskinikan serta sijil saham disimpan dengan selamat kecuali sijil saham di Bursa Saham.

### **3.8 TUNGGAKAN HASIL**

Berdasar kepada Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, baki tunggakan hasil pada 31 Disember 2005 menunjukkan penurunan daripada RM67.31 juta pada tahun 2004 menjadi RM59.29 juta pada tahun 2005. Penurunan tunggakan hasil sejumlah RM8.02 juta adalah disebabkan tindakan tegas yang telah dilaksanakan terutamanya oleh Pejabat Daerah Dan Tanah terhadap pemilik tanah yang mempunyai tunggakan hasil yang tinggi. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- a) Pihak Pentadbir Tanah telah mengenal pasti tanah yang dipinda daripada Hak Milik Sementara kepada Geran Mukim dengan mengemaskini sistem di Pejabat Daerah Dan Tanah agar satu hasil sahaja dikenakan kepada pemilik tanah;
- b) Insentif akan diberikan kepada Pegawai Pengawal yang membuat kutipan tunggakan hasil tanah;
- c) Meningkatkan penguatkuasaan kutipan tunggakan hasil tanah;

Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 8**.



**Jadual 8**  
**Tunggakan Hasil Negeri Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	37.64	28.00	(9.64)
2.	Bayaran Air	12.98	14.44	1.46
3.	Hasil Lain	16.69	16.85	0.16
<b>Jumlah</b>		<b>67.31</b>	<b>59.29</b>	<b>(8.02)</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

### 3.9 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2005, baki hutang Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM65.91 juta menjadi RM1.58 bilion berbanding RM1.52 bilion pada tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan beberapa tambahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air sejumlah RM85.20 juta dan sejumlah RM3.06 juta bagi projek Perumahan Awam Kos Rendah yang diterima pada tahun 2005. Di samping itu, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik hutang termasuk pokok dan faedah berjumlah RM286.63 juta berbanding RM245.45 juta pada tahun 2004. Peningkatan tunggakan bayaran balik sejumlah RM41.18 juta pada tahun 2005 ini disebabkan penjadualan semula pinjaman Bekalan Air, pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah dan kekurangan aliran tunai walaupun peruntukan ada disediakan. Kegagalan Agensi Kerajaan Negeri membuat bayaran balik hutang juga merupakan peyumbang kepada peningkatan hutang Kerajaan Negeri. Pada tahun 2005, hanya RM10.14 juta atau 33.8% sahaja bayaran balik yang dijelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan daripada sejumlah RM30.04 juta yang diperuntukkan. Manakala sejumlah RM15.61 juta diselaraskan melalui peruntukan hapuskira oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek Bekalan Air Luar Bandar dan Rancangan Tanah Pinggir. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2005 berbanding 2004 adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Hutang Kerajaan Negeri**  
**Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Hutang	
		Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	123.46	123.46
2.	Bekalan Air	1,056.37	1,127.74
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	251.05	250.04
4.	Pelbagai Projek	91.13	86.69
<b>Jumlah</b>		<b>1,522.01</b>	<b>1,587.93</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

#### **4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK-8**

**4.1** Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) Negeri Pahang untuk tempoh 5 tahun (2001-2005) merupakan perancangan fasa pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi Negeri Pahang. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan negeri. Tujuannya yang lain adalah ke arah menggerakkan Negeri Pahang mencapai status negeri maju dan makmur berlandaskan sektor produktif menjelang tahun 2020 berbanding Rancangan Malaysia Ketujuh yang lebih menurus kepada pemulihan ekonomi.

**4.2** Bagi tempoh RMK-8, sejumlah RM2.21 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada 11 Jabatan bagi melaksanakan 419 projek pembangunan dan bekalan air. Pada tahun 2005, beberapa projek telah diperincikan butiran projek menjadikan bilangan projek keseluruhan untuk dilaksanakan adalah sebanyak 530 projek. Bagaimanapun, jumlah peruntukan tersebut telah dikurangkan menjadi RM1.58 bilion bagi melaksana 413 projek pembangunan dan bekalan air. Sebanyak 117 projek lagi telah ditangguh pelaksanaannya oleh Kerajaan Negeri.

**4.3** Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah RM1.37 bilion atau 87% telah dibelanjakan daripada peruntukannya sejumlah RM1.58 bilion. Dari segi pelaksanaan peringkat Jabatan, adalah didapati Jabatan Bekalan Air mencatatkan prestasi perbelanjaan tertinggi iaitu 95%. Manakala Mahkamah Syariah mencatatkan prestasi perbelanjaan yang terendah iaitu 1%. Bagi Jabatan lain, prestasi perbelanjaannya adalah antara 38% hingga 87%. Kedudukan prestasi perbelanjaan bagi setiap Jabatan di bawah RMK-8 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-8**

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan</b>	<b>Peruntukan Diluluskan (RM Juta)</b>	<b>Perbelanjaan Sehingga 31.12.2005 (RM Juta)</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	137.99	116.48	84
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	10.00	3.78	38
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	158.80	105.74	66
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	10.50	7.31	70
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	19.45	16.00	82
6.	Jabatan Pertanian Negeri	28.06	24.41	87
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	32.23	27.42	85
8.	Jabatan Agama Islam Pahang	68.55	40.11	59
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	71.00	56.49	80
10.	Mahkamah Syariah	10.02	0.06	1
11.	Jabatan Bekalan Air Negeri	1,033.25	978.83	95
<b>Jumlah</b>		<b>1,580.33</b>	<b>1,376.63</b>	<b>87</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

**4.4** Mengikut Laporan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Pelaksana, prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2005 menunjukkan daripada 413 bilangan projek yang dirancang, sebanyak 163 projek telah siap dilaksanakan manakala 176 projek sedang dilaksanakan dan 74 projek lagi belum dimulakan. Antara projek terbesar yang sedang dilaksanakan selepas Kajian Separuh Penggal RMK-8 adalah projek Bekalan Air Greater Kuantan Fasa II yang dibiayai daripada sumber pinjaman Persekutuan dengan anggaran kos berjumlah RM255 juta dan projek Menjalankan Dan Menyelenggarakan Bekalan Air yang anggaran kosnya berjumlah RM145 juta yang dibiayai daripada sumber negeri. Bagi

projek yang belum dimulakan, projek terbesar adalah pembinaan dan melebarkan Jalan Haji Ahmad, Kuantan dan pembinaan Kompleks Islam Pahang di Pekan dengan anggaran kos berjumlah RM20 juta. Pelaksanaan sebahagian projek yang belum mula dan sedang dilaksanakan bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun. Status pelaksanaan projek RMK-8 adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-8**

Bil.	Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan Sehingga 31 Disember 2005		
			Siap	Sedang Laksana	Belum Mula
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	91	77	5	9
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	6	0	0	6
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	93	36	19	38
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	3	0	3	-
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	10	9	1	-
6.	Jabatan Pertanian Negeri	25	0	25	-
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	78	8	70	-
8.	Jabatan Agama Islam	54	28	7	19
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	13	0	13	-
10.	Mahkamah Syariah	2	0	1	1
11.	Jabatan Bekalan Air	38	5	32	1
<b>Jumlah</b>		<b>413</b>	<b>163</b>	<b>176</b>	<b>74</b>

Sumber: Laporan Jabatan Pelaksana

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat penyediaan Penyata Akaun Awam tahun 2005 adalah bertambah baik dan rekod perakaunan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran yang ditunjukkan di Penyata Kewangan telah dapat disahkan kerana disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2005 berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum masih tidak kukuh. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan mengamalkan perbelanjaan yang berhemat dan berusaha meningkat sumber pendapatan.

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **6. PENDAHULUAN**

Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap beberapa Jabatan yang dipilih selain mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan baik. Bagi Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan, pihak Audit melaksanakan Program Penampilan Audit. Program Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pemilihan Jabatan untuk Program Penampilan Audit dibuat mengikut keutamaan iaitu Jabatan yang belum pernah dilawati atau tidak diaudit melebihi 3 tahun. Pemeriksaan dan lawatan Audit ke Jabatan yang dipilih mendapati pengurusan kewangan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Sehubungan itu, Jabatan tersebut perlu dibantu dan diberi bimbingan supaya tahap pengurusan kewangannya dapat diperbaiki.

### **PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI**

#### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (Pejabat) bertanggungjawab mengurus dan menyelia hal ehwal kewangan Negeri dengan cekap dan berkesan. Ini meliputi tugas mengawal selia dan memastikan semua Pegawai Pengawal mematuhi peraturan dan undang-undang mengenai pengurusan hasil, perbelanjaan, kumpulan wang amanah dan akaun amanah/deposit serta menentukan rekod kewangan diselenggara dengan betul dan sempurna.

**7.2** Pejabat dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Perakaunan. Ia diketuai oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri Gred Utama C dengan dibantu oleh Timbalan Pegawai Kewangan

Negeri Gred M 54 dan Akauntan Negeri Gred W 54 bersama 80 orang kakitangan. Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 75 perjawatan telah diisi dengan kekosongan sebanyak 8 perjawatan dari Kumpulan Sokongan. Selain itu, Pejabat juga telah melantik 11 kakitangan sambilan bagi jawatan Kumpulan Sokongan. Setiap pegawai yang dilantik juga telah diberi perwakilan kuasa secara bertulis oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri.

**7.3** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JKPA) untuk memantau dan mengenal pasti masalah berkaitan pengurusan kewangan Pejabat. Pada tahun 2005, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali berbanding 4 kali seperti yang ditetapkan. Bagi memantapkan lagi kawalan dan pemantauan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri, 11 Jawatankuasa telah ditubuh termasuk 2 Jawatankuasa Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS).

**7.4** Pada tahun 2005, Pejabat telah mengambil beberapa usaha untuk meningkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Pahang iaitu seperti berikut:

- a) Menghantar pasukan Naziran melawat 19 Pejabat Pemungut Hasil melibatkan 3 daerah bagi memantau tahap kawalan pengurusan hasil di peringkat Jabatan.
- b) Mengadakan perbincangan dengan setiap kakitangan di Jabatan yang melaksanakan SPEKS berkaitan masalah yang dihadapi.
- c) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dengan Pegawai Pengawal.

**7.5** Pihak Audit juga turut membantu Pejabat untuk meningkat pengurusan kewangan Pejabat dengan mengadakan lawatan, bimbingan dan nasihat kepada kakitangan yang menjalankan pengurusan kewangan di Pejabat dan Jabatan. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga telah mengadakan kerjasama dengan Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri bagi menyelaraskan kerja Audit yang berkaitan.

## **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

**8.1** Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada prosedur dan peraturan kewangan dipatuhi, wujud sistem kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod adalah

lengkap dan kemas kini serta menilai tahap pencapaian peranan dan tanggungjawab Pejabat sebagai agensi yang mengawal kewangan keseluruhan Jabatan.

**8.2** Skop pengauditan adalah meliputi pemeriksaan terhadap rekod dan dokumen kewangan tahun 2005 di Bahagian Pengurusan Kewangan dan Khidmat Pengurusan. Pemeriksaan Audit dibuat secara persampelan melalui pemeriksaan terhadap kawalan bajet, hasil, perbelanjaan, pinjaman, deposit, akaun amanah dan kumpulan wang amanah. Rekod utama yang diperiksa adalah seperti fail bajet, waran peruntukan, buku tunai, lejar, daftar hasil, daftar baucar, daftar aset, sijil saham, perjanjian pinjaman dan minit mesyuarat. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat telah diadakan untuk mendapat penjelasan lanjut.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Belanjawan Ubahsuai (*Modified Budgeting System*) oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003, pencapaian sesuatu program/aktiviti Jabatan bergantung kepada bajet dan kaedah perbelanjaan. Semakan Audit terhadap kawalan bajet mendapati perkara seperti berikut:

#### **9.1.1 Penyediaan Bajet**

Pejabat telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.1 Tahun 2003 pada pertengahan bulan Januari 2003 kepada semua Pegawai Pengawal supaya menguruskan peruntukan dan perbelanjaan mengikut Sistem Belanjawan Diubahsuai. Dasar dan strategi bajet tahun 2005 adalah sama dengan Kerajaan Pusat bagi merancang perbelanjaan dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan untuk mencapai bajet berimbang dan mengurangkan defisit. Sebagai usaha untuk menampung bajet defisit tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menetapkan strategi dan pendekatan seperti berikut:

- a) Mengukuhkan keutuhan pengurusan pentadbiran berasaskan kepada tadbir urus yang cekap.

- b) Meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri melalui usaha penguatkuasaan dan mengutip tunggakan hasil.
- c) Menyediakan perancangan dan penyelarasan strategi serta program selaras dengan dasar Kerajaan Negeri terutama program yang dapat memberikan faedah kepada rakyat serta mempunyai kesan limpahan yang tinggi.

### **9.1.2 Kelulusan Bajet**

Mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang dan Seksyen 15 Akta Prosedur Kewangan 1957, bajet hendaklah disedia dan dibentang di Dewan Undangan Negeri untuk mendapat kelulusan. Cadangan bajet yang dikemukakan oleh Pegawai Pengawal akan dikaji oleh Pejabat sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Anggaran Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air Tahun 2005 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada 29 November 2004 dan Waran Am Bil.1 Tahun 2005 bagi perbelanjaan mengurus telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada akhir bulan Disember 2004 selaras dengan Seksyen 13(2) Akta Prosedur Kewangan 1957. Pada tahun 2005, hasil Kerajaan Negeri dianggarkan berjumlah RM413.32 juta berbanding dengan anggaran belanja mengurus berjumlah RM434.17 juta. Anggaran asal Perbelanjaan Pembangunan Dan Bekalan Air Negeri pula berjumlah RM322.44 juta dan dijangka dibiayai melalui sumber hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM158.78 juta dan pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM163.66 juta. Bajet tahun 2005 juga adalah merupakan bajet defisit berjumlah RM20.85 juta berbanding defisit tahun 2004 yang berjumlah RM24.43 juta. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2005, sejumlah RM412.98 juta atau 95.1% daripada RM434.17 juta perbelanjaan mengurus yang diluluskan telah dibelanjakan. Manakala, sejumlah RM289.62 juta atau 89.8% daripada RM322.44 juta perbelanjaan pembangunan yang dianggar telah dibelanjakan. Kesemua 356 waran pindah peruntukan perbelanjaan mengurus bernilai RM12.67 juta dan 33 waran pindah peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan bernilai RM38.41 juta telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri antara bulan Januari hingga Disember 2005.

### **9.1.3 Peruntukan Tambahan**

Sejumlah RM3.53 juta peruntukan tambahan bagi perbelanjaan mengurus telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada pertengahan bulan April 2006 iaitu meningkat sejumlah RM777,140 daripada peruntukan tambahan tahun 2004 yang berjumlah RM2.75 juta. Sejumlah RM1.02 juta daripada peruntukan tambahan tersebut adalah untuk



pembayaran bonus kakitangan bagi 11 Jabatan yang telah dibayar pada bulan Oktober dan Disember 2005 serta perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan berjumlah RM1.9 juta bagi 6 Jabatan.

**Pada pendapat Audit, kawalan bajet Kerajaan Negeri pada tahun 2005 adalah memuaskan.**

## **9.2 KAWALAN HASIL**

Pejabat bertanggungjawab memastikan hasil Kerajaan Negeri yang dipungut dikendalikan mengikut undang-undang yang ditetapkan dan diakaun dengan sewajarnya. Kutipan hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada hasil cukai, bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Kerajaan Negeri telah menganggarkan kutipan hasil bagi tahun 2005 berjumlah RM413.32 juta. Pada tahun 2005, kutipan hasil Kerajaan Negeri telah mencatatkan penurunan sejumlah RM342,461 iaitu kepada RM485.70 juta pada tahun 2005 berbanding RM486.04 juta pada tahun 2004. Namun begitu, jumlah kutipan sebenar pada tahun 2005 menunjukkan lebih daripada anggaran hasil tahun 2005 iaitu sejumlah RM72.72 juta. Kutipan hasil tanah merupakan penyumbang utama hasil tahun 2005 iaitu sejumlah RM140.85 juta atau 29% daripada keseluruhan hasil. Hasil utama lain yang dikutip ialah hasil air yang berjumlah RM90 juta atau 18.5%, Geran Persekutuan berjumlah RM82.30 juta atau 17%, hasil hutan berjumlah RM76.82 juta atau 15.8% dan hasil lain berjumlah RM95.73 juta atau 19.7%. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara seperti berikut:

### **9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan**

Arahan Perbendaharaan 145 menetapkan setiap Pemungut Hasil bertanggungjawab mengemukakan akaun tunai bulanan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas bulan berkenaan. Ia bertujuan supaya Perbendaharaan Negeri dapat menentukan semua kutipan diakaunkan dengan sempurna dan mematuhi peraturan. Bagi mengawal dan menyemak akaun tunai bulanan yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, satu Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan telah diselenggarakan. Semakan Audit terhadap daftar tersebut yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Negeri sehingga akhir bulan Disember 2005 mendapati 145 daripada 147 Pemungut Hasil telah mengemukakan akaun tunai bulanan dari bulan Januari hingga Disember 2005. Manakala 2 Pemungut Hasil iaitu Pejabat Agama Islam Daerah Jengka dan Pejabat Pertanian Daerah Lipis telah lewat mengemukakan akaun tunai bulanan bagi bulan Oktober hingga

Disember 2005 dan hanya diterima oleh Pejabat pada bulan Mac dan Mei 2006. Bagaimanapun, Pejabat telah mengeluarkan surat peringatan dan mengadakan lawatan ke Pejabat Pemungut Hasil berkenaan bagi mengatasi kelewatan yang timbul.

### **9.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut**

Arahan Perbendaharaan 78 menetapkan bahawa penyata pemungut akan disediakan oleh Pemungut Hasil bagi tujuan kemasukan ke bank. Penyata pemungut yang telah diakui terima oleh pihak bank akan dikemukakan ke Pejabat untuk diperakaukan. Mengikut rekod di Perbendaharaan Negeri sehingga akhir bulan Disember 2005, sebanyak 54,798 penyata pemungut berjumlah RM960.85 juta telah diproses dan dikeluarkan resit Perbendaharaan. Semakan Audit yang dijalankan terhadap 1,916 penyata pemungut tahun 2005 bernilai RM48.28 juta yang telah diterima bagi 24 hari yang dipilih mendapati proses penghantaran penyata pemungut, pengeluaran resit dan mengakaunkan ke Buku Tunai Pejabat telah dibuat tanpa sebarang kelewatan yang ketara. Perbendaharaan Negeri juga didapati sentiasa memberi peringatan dari semasa ke semasa kepada pihak bank supaya mempercepatkan penyerahan penyata pemungut yang terlibat.

### **9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan**

Arahan Perbendaharaan 143(b) menghendaki Perbendaharaan Negeri menghantar Laporan Terperinci Hasil Bulanan kepada semua Pegawai Pengawal atau wakilnya bagi mengesahkan laporan urus niaga bulanan tersebut dengan rekod Jabatannya dan menyediakan penyata penyesuaian untuk dikemukakan kepada Pejabat. Pada tahun 2005, semua Pemungut Hasil boleh mencetak sendiri Laporan Terperinci Hasil di Jabatan masing-masing melalui SPEKS. Bagaimanapun, penyediaan penyata penyesuaian hasil hanya boleh dilakukan secara manual disebabkan modul hasil di peringkat Jabatan masih belum boleh dilaksanakan lagi. Lawatan Audit ke 4 daerah yang melibatkan 12 Pemungut Hasil mendapati Jabatan terlibat boleh mencetak sendiri Laporan Terperinci Hasil. Manakala semakan Audit terhadap Daftar Pengesahan Flimsi Hasil mendapati 23 Pemungut Hasil tidak mengemukakan penyata penyesuaian hasil untuk bulan tertentu antara 1 hingga 8 bulan berbanding 15 Pemungut Hasil pada tahun 2004. Selain itu, 62 Pemungut Hasil lewat mengemukakan penyata tersebut bagi bulan tertentu antara 1 hingga 8 bulan berbanding 23 Pemungut Hasil pada tahun 2004. Pejabat telah menghantar surat peringatan ke Jabatan yang terlibat tetapi Pemungut Hasil berkenaan masih tidak mengemukakan penyata penyesuaian hasil kerana tidak memahami keperluan penyediaan penyata tersebut yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri.

#### **9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)**

Arahan Perbendaharaan 146 menetapkan bahawa Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan dan mengemukakan salinan kepada Ketua Audit Negara selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Pemeriksaan Audit terhadap penyata penyesuaian bank tahun 2005 mendapati Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bagi pungutan hasil dan dokumen sokongan yang lengkap. Selain itu, tiada kelewatan penyerahan penyata penyesuaian bank kecuali penyata bulan Jun hingga Oktober 2005 yang tempoh kelewatannya antara 1 minggu hingga 2 bulan. Kelewatan ini disebabkan Perbendaharaan Negeri baru melaksanakan penyediaan penyata penyesuaian bank melalui SPEKS.

#### **9.2.5 Kawalan Pungutan Hasil Peringkat Jabatan**

Pejabat juga bertanggungjawab memantau Pemungut Hasil di setiap daerah melalui Unit Auditan Tunai yang telah melawat 3 daerah melibatkan 19 Pemungut Hasil sehingga akhir tahun 2005. Semakan Audit terhadap Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan mendapati kelewatan penyemakan Akaun Tunai Bulanan bagi 36 Pemungut Hasil terutama Pejabat Daerah Dan Tanah mulai bulan Januari hingga April 2005. Kesemua akaun tersebut hanya siap disemak oleh Unit Auditan Tunai pada bulan November 2005 hingga Februari 2006.

#### **9.2.6 Tunggakan Hasil**

Pejabat menghendaki semua Pemungut Hasil menyedia dan mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun kepada Pejabat selewat-lewatnya pada akhir bulan Januari 2006. Semakan Audit terhadap Penyata Tunggakan Hasil mendapati sehingga akhir tahun 2005, semua Pemungut Hasil telah menghantar penyata tersebut kepada Perbendaharaan Negeri dan rekod penerimaannya telah diselenggara dengan baik serta dikemaskinikan. Pada tahun 2005, tunggakan hasil keseluruhan adalah berjumlah RM59.30 juta berkurangan sejumlah RM8.02 juta dari tunggakan hasil pada tahun 2004 yang berjumlah RM67.32 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM33 juta atau 55.7% adalah tunggakan cukai tanah terutama Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan dan Rompin yang mempunyai tunggakan cukai tanah tertinggi iaitu berjumlah RM9.19 juta dan RM5.98 juta. Jawatankuasa Tunggakan Hasil Negeri yang ditubuhkan telah bermesyuarat pada akhir bulan Jun 2005 dan mencadangkan langkah penyelesaian seperti berikut:

- a) Pihak Pentadbiran Tanah perlu menyemak dan mengenal pasti tanah yang telah dipinda daripada Hak Milik Sementara kepada Geran Mukim dengan mengemaskinikan sistem di Pejabat Daerah Dan Tanah agar satu hasil sahaja dikenakan kepada pemilik tanah.
- b) Mengadakan insentif kepada Pegawai Pengawal yang membuat kutipan tunggakan hasil tanah tertinggi.
- c) Meningkatkan penguatkuasaan kutipan tunggakan hasil tanah.
- d) Melantik agen mengutip tunggakan hasil bagi sewa Perumahan Awam Kos Rendah di peringkat daerah.
- e) Melantik agen mengutip tunggakan hasil air dan membuat potongan ke atas bajet Jabatan bagi Jabatan Kerajaan yang tidak membayar tunggakan bil air.

### **9.2.7 Cek Tidak Laku**

Cek tidak laku merupakan cek terimaan yang tidak dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan Negeri kerana sesuatu sebab tertentu seperti tarikh cek telah luput tempoh, maklumat ke atas sesuatu cek tidak lengkap, akaun telah ditutup dan tandatangan tidak mencukupi. Semakan Audit terhadap Daftar Cek Tak Laku sehingga akhir bulan Disember 2005 mendapati sebanyak 100 cek tidak laku bernilai RM866,259 telah dikembalikan oleh pihak bank berbanding 162 cek tidak laku pada tahun 2004 yang bernilai RM614,752. Sebanyak 61 cek tidak laku berjumlah RM156,231 masih belum diganti termasuk cek tidak laku dari Jabatan Bekalan Air sebanyak 32 keping yang bernilai RM18,271.

**Pada pendapat Audit, kawalan terimaan pada tahun 2005 adalah memuaskan kerana penyelenggaraan rekod dan dokumen hasil yang sempurna dan kemas kini.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pejabat adalah bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2005, peruntukan keseluruhan yang telah diluluskan untuk perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM437.70 juta yang terdiri daripada peruntukan asal berjumlah RM434.17 juta dan peruntukan tambahan berjumlah RM3.53 juta. Daripada jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan, sejumlah RM412.98 juta atau 94.3% telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM289.62 juta atau 89.8% telah dibelanjakan untuk perbelanjaan pembangunan dan bekalan air berbanding peruntukan perbelanjaan pembangunan dan bekalan air yang diluluskan iaitu

berjumlah RM322.44 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus dikawal oleh 29 Pegawai Pengawal sementara peruntukan perbelanjaan pembangunan dikawal oleh 11 Pegawai Pengawal. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati perkara seperti berikut:

### **9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus**

Komponen perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Perolehan Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Sehingga akhir bulan Disember 2005, prestasi perbelanjaan mengurus adalah RM412.98 juta atau 94.3% daripada RM437.74 juta yang diperuntukkan. Perbelanjaan ini telah meningkat sejumlah RM22.56 juta atau 5.5% daripada perbelanjaan yang telah dilakukan pada tahun 2004 yang berjumlah RM390.42 juta. Pihak Audit mendapati tiada perbelanjaan yang melebihi peruntukan dan kesemua Waran Pindah Peruntukan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

### **9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, menetapkan bahawa wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan seperti di Jadual Pertama Akta tersebut dan mengikut ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Komponen di bawah perbelanjaan pembangunan ini terdiri daripada perbelanjaan secara langsung yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala bekalan air terdiri daripada perbelanjaan berulang yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan perbelanjaan tidak berulang yang dibiayai daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Sehingga akhir bulan Disember 2005, perbelanjaan pembangunan dan bekalan air adalah berjumlah RM289.62 juta atau 89.8% berbanding RM322.44 juta yang diperuntukkan. Perbelanjaan ini telah meningkat sejumlah RM18.55 juta atau 6.8% berbanding perbelanjaan pembangunan yang telah dilakukan pada tahun 2004 yang berjumlah RM271.07 juta. Tiada perbelanjaan yang melebihi peruntukan dan kesemua Waran Pindah Peruntukan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

### **9.3.3 Kawalan Pembayaran**

#### **a) Prosedur Pemprosesan Bayaran**

Pejabat juga bertanggungjawab untuk mengawal peruntukan perbelanjaan dan memastikan peraturan berhubung dengan pembayaran dipatuhi oleh Jabatan. Dengan

pelaksanaan SPEKS, semua baucar bayaran akan disimpan di setiap Jabatan dan Pejabat akan melaksanakan proses penyemakan dan kelulusan baucar secara *on-line* serta pengeluaran cek. Mengikut rekod Pejabat pada tahun 2005, sebanyak 99,916 baucar bayaran bernilai RM943.58 juta telah diproses berbanding 101,245 baucar yang bernilai RM877.80 juta yang diproses pada tahun 2004. Pemeriksaan Audit terhadap 860 baucar yang bernilai RM28.61 juta dipilih secara rambang mendapati perkara seperti berikut:

- i) Penyediaan baucar bayaran telah disediakan mengikut SPEKS.
- ii) Setiap pengguna sistem komputer diberi kata laluan yang dirahsia dan digalakkan membuat penukaran kata laluan setiap 3 bulan sekali.
- iii) Penyimpanan baucar di peringkat Jabatan adalah teratur dan mudah untuk semakan kerana kawalan adalah berdasarkan nombor siri baucar yang dikeluarkan melalui SPEKS.
- iv) Buku Vot berkomputer dicetak dengan sempurna.

**b) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)**

Arahan Perbendaharaan 146 menetapkan bahawa Perbendaharaan Negeri hendaklah mengemukakan Penyata Penyesuaian Bank kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Sehingga akhir bulan Disember 2005, Akauntan Negeri telah menyerahkan semua Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran) bagi tahun 2005 kepada pihak Audit. Keadaan ini adalah bertambah baik berbanding penghantaran Penyata Penyesuaian Bank pada tahun 2004.

**c) Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan**

Semakan Audit terhadap Daftar Pengesahan Flimsi Perbelanjaan Bulanan sehingga akhir bulan Disember 2005 mendapati 115 Pusat Tanggungjawab atau 15 Pegawai Pengawal telah lewat membuat pengesahan flimsi bagi bulan tertentu iaitu antara 1 hingga 11 bulan berbanding 10 Pegawai Pengawal pada tahun 2004. Dengan pelaksanaan SPEKS, setiap Jabatan yang terlibat boleh mencetak laporan flimsi dan penyata penyesuaian terlibat pada awal bulan berikutnya. Hasil lawatan Audit pada bulan Disember 2005 ke 4 daerah yang dipilih mendapati semua Jabatan telah menyediakan penyata penyesuaian dan boleh mengeluarkan laporan tersebut.

**d) Kawalan Cek Batal**

Cek batal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima kerana kesilapan seperti salah ejaan nama, tamat tempoh, tukar penama/akaun bank dan kehilangan cek. Pada tahun 2005, sebanyak 4,073 cek batal bernilai RM17.99 juta berbanding 778 cek batal bernilai RM7.26 juta pada tahun 2004 telah dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Penggantian semula telah dilakukan menyebabkan baki akaun ini meningkat menjadi RM3.60 juta berbanding RM2.62 juta pada tahun 2004. Selain itu, sebanyak 187 cek bernilai melebihi RM1,000 setiap satu telah luput tarikh dan belum lagi diganti.

**e) Pembayaran Secara Tunai**

Arahan Perbendaharaan 96 menetapkan bahawa pembayaran tunai kepada lebih daripada seorang penerima hendaklah menggunakan satu baucar bayaran atas nama Ketua Jabatan dan baucar bayarannya hendaklah dikembalikan bersama senarai lengkap penerima dalam tempoh 21 hari ke Pejabat. Dengan pelaksanaan SPEKS, semua baucar termasuk baucar tunai disimpan di setiap Jabatan. Semakan Audit mendapati Pejabat tidak mempunyai daftar khusus bagi merekod pembayaran secara tunai yang dilakukan oleh Jabatan yang terlibat bagi menentukan jumlah yang telah dikeluarkan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar pembayaran tunai yang dilakukan oleh Pejabat.

**f) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan bahawa pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut perlu dibayar. Bagi tujuan ini, Pejabat akan menyediakan senarai khas untuk merekodkan setiap baucar yang dikemukakan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Pada tahun 2005, Pejabat telah menerima sebanyak 1,297 baucar pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) berjumlah RM4.70 juta berbanding RM9.22 juta pada tahun 2004. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kelulusan bayaran yang berjumlah RM774,456 telah diberi kepada 21 Pusat Tanggungjawab di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) walaupun baki peruntukan pada tahun perbelanjaan dipertanggungjawabkan telah tiada dan tidak mencukupi.

#### **g) Pesanan Kerajaan**

Pejabat bertanggungjawab mengawal pembelian dan pengurusan harta modal, inventori dan bekalan pejabat. Dengan pelaksanaan SPEKS, pesanan Kerajaan dikeluarkan melalui dua kaedah iaitu secara manual dan secara SPEKS. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005, sebanyak 31 Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan secara manual dan 161 Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan secara sistem SPEKS. Borang Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan secara manual adalah untuk pembelian segera. Semua Pesanan Kerajaan yang dicetak, telah disimpan secara tersusun dan teratur mengikut siri nombor yang berturutan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan adalah kurang memuaskan kerana prosedur pembayaran yang tidak teratur, ketiadaan daftar untuk menyelenggara pembayaran secara tunai dan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) telah diluluskan tanpa baki peruntukan.**

### **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan lain setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga boleh memberi pinjaman kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaan masing-masing. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman mendapati perkara seperti berikut:

#### **9.4.1 Akaun Pinjaman Disatukan**

Pada tahun 2005, sejumlah RM88.26 juta pinjaman bagi Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah telah diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada RM85.20 juta pengeluaran pinjaman bagi projek sedia ada Bekalan Air dan sejumlah RM3.06 juta bagi Perumahan Awam Kos Rendah. Kesemua terimaan pinjaman tersebut telah dikeluarkan untuk pembiayaan projek Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah.



#### **9.4.2 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Pada tahun 2005, baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan terus meningkat menjadi RM1.58 bilion berbanding RM1.52 bilion pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan tambahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah yang diterima pada tahun 2005 berjumlah RM88.26 juta. Jumlah tunggakan bayaran balik pula menunjukkan peningkatan iaitu RM286.63 juta pada tahun 2005 berbanding RM245.45 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah berpunca daripada penjadualan semula pinjaman yang dilakukan kerana perbezaan maklumat di antara Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sebahagian besar tunggakan adalah melibatkan pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah dan Bekalan Air. Kerajaan Negeri juga masih gagal membuat bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan sebagaimana jadual yang ditetapkan kerana masih mengalami masalah aliran tunai dan kegagalan Agensi membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, adalah didapati bayaran balik pinjaman yang dibuat pada tahun 2005 telah meningkat kepada RM25.74 juta berbanding RM14.45 juta pada tahun 2004.

#### **9.4.3 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi**

Pada tahun 2005, baki pinjaman Agensi adalah berjumlah RM249.92 juta iaitu meningkat sejumlah RM2.88 juta berbanding RM247.04 juta pada tahun 2004. Tunggakan hutang Agensi juga meningkat menjadi RM199.10 juta pada tahun 2005 berbanding RM191.17 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan kegagalan Agensi membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan. Agensi negeri gagal membuat pembayaran balik pinjaman adalah disebabkan oleh masalah aliran tunai, penangguhan bayaran balik pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PKNP sehingga tahun 2012. Pada tahun 2005, agensi seperti Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP), Amanah Saham Pahang (ASPA), Majlis Perbandaran Temerloh dan Yayasan Pahang telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM15.68 juta berbanding anuiti tahun 2005 yang sepatutnya dijelaskan iaitu RM23.61 juta. Sebahagian besar tunggakan pinjaman adalah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi pinjaman Projek Kawasan Perindustrian Gebeng Fasa II dan Projek Kawasan Perindustrian Bentong Fasa II. Rekod pinjaman seperti daftar terimaan dan bayaran balik pinjaman dan jadual bayaran balik telah diselenggarakan dengan baik.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Kerajaan Negeri pada tahun 2005 adalah memuaskan kerana jumlah bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan telah**

**meningkat berbanding tahun 2004. Bagimanapun Agensi tidak membayar ansuran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri mengikut jadual yang ditetapkan menyebabkan baki dan tunggakan pinjaman meningkat berbanding tahun sebelumnya.**

## **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Seksyen 8(3)(b), Akta Prosedur Kewangan 1957 menetapkan bahawa Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dibenarkan melabur dalam bentuk simpanan tetap di bank dan pelaburan saham. Segala aktiviti pelaburan Kerajaan Negeri dikawal oleh Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan di samping memantau prestasi kewangan syarikat yang dilabur. Pada akhir tahun 2005, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM240.14 juta meliputi pelaburan saham berjumlah RM125.14 juta dan simpanan tetap berjumlah RM115 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati pelaburan saham Kerajaan Negeri pada tahun 2005 menunjukkan penurunan sejumlah RM1.55 juta menjadi RM125.14 juta berbanding sejumlah RM126.69 juta pada tahun 2004. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2005, penjualan saham Amanah Saham Wanita (ASNITA) sebanyak 3,316,848 unit saham bernilai RM1.49 juta. Saham Syarikat MISC Berhad juga telah meningkat melalui terbitan saham sebanyak 17,163,600 unit bersamaan nilai pasaran bernilai RM167.34 juta dan penjualan saham Syarikat MISC Berhad sebanyak 72,000 unit telah membawa pulangan bernilai RM61,192. Selain itu, semakan Audit juga mendapati perkara seperti berikut:

- a) Penjualan semua saham ASNITA dibuat memandangkan saham tersebut tidak memberi pulangan ketara sepanjang pegangan dan harga seunit dijangka tidak melebihi daripada harga kos sewaktu pembelian.
- b) Semua urusan saham telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.
- c) Semua dividen saham yang diterima pada tahun 2005 berjumlah RM6.67 juta telah diterima dan perakaunkan dengan sempurna.
- d) Rekod pelaburan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dan sijil saham telah disimpan dengan selamat.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan dan memuaskan. Rekod berkaitan dengan saham diselenggarakan dengan kemas kini.**

## **9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH**

Akaun Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957, manakala Kumpulan Wang Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta yang sama. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Bekalan Air, Amanah Kerajaan Negeri, Amanah Awam dan Deposit. Mengikut Tatacara Penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini, Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan penyata akaun berakhir pada 31 Disember setiap tahun untuk diaudit. Manakala bagi akaun deposit pula, senarai baki individu serta penyata penyesuaian jika ada perbezaan perlu disediakan dan dihantar ke pihak Audit untuk pengesahan. Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah/Deposit mendapati perkara seperti berikut:

### **9.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam Dan Akaun Deposit**

Pada tahun 2005, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mempunyai baki berjumlah RM165.0 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM91.04 juta dan Akaun Deposit berjumlah RM126.81 juta. Perbendaharaan Negeri juga menyelenggara 48 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, 35 Kumpulan Wang Amanah Awam dan 94 Akaun Deposit. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit ini mendapati perkara seperti berikut:

#### **a) Penyerahan Penyata Akaun Amanah Dan Deposit**

Arahan Amanah menetapkan penyata akaun amanah hendaklah disediakan pada akhir setiap tahun dan dikemukakan untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Pada tahun 2005, sebanyak 30 penyata akaun amanah telah diterima berbanding 35 penyata yang sepatutnya dihantar.

#### **b) Penyerahan Senarai Baki Deposit Individu**

Arahan Perbendaharaan 159 menetapkan Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan dan mengemukakan senarai baki deposit individu pada akhir bulan Disember setiap tahun kepada Akauntan Negeri dan Jabatan Audit Negara. Sehingga pertengahan bulan Mei 2006, didapati 93 daripada 94 pemegang akaun telah menyerahkan senarai baki deposit individu berserta penyata penyesuaian kecuali Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pahang.

**c) Pengesahan Laporan Amanah Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Amanah Dan Deposit**

Semakan Audit mendapati Pejabat telah menyelenggara Daftar Pengesahan Dan Penyesuaian Amanah dan Deposit dengan kemas kini. Pada tahun 2005, sebanyak 29 daripada 49 Pusat Tanggungjawab lewat menghantar pengesahan laporan amanah dan deposit ke Pejabat antara 1 hingga 8 bulan. Manakala 25 Pusat Tanggungjawab tidak mengemukakan pengesahan dan menyediakan penyata penyesuaian amanah dan deposit untuk tempoh antara 2 hingga 12 bulan.

**9.6.2 Kumpulan Wang Pendahuluan Skim Pembiayaan Komputer Bagi Anggota Pentadbiran Awam**

Kumpulan Wang Pendahuluan Skim Pembiayaan Komputer ditubuhkan pada tahun 1993 dengan peruntukan berjumlah RM1.20 juta. Tujuan kumpulan wang ini ditubuhkan adalah untuk memberi peluang kepada pegawai Kerajaan Negeri memiliki komputer secara persendirian. Pada akhir tahun 2005, akaun ini mempunyai baki berjumlah RM539,400. Sejumlah RM157,400 telah dikeluarkan pada tahun 2005 untuk membiayai pinjaman kepada 33 kakitangan.

**9.6.3 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan**

Sejumlah RM4 juta diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dengan tujuan memberi kemudahan kepada kakitangan awam membeli kenderaan. Sehingga akhir bulan Disember 2005, baki Kumpulan Wang ini telah meningkat menjadi RM1.43 juta berbanding RM1.14 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan pada tahun 2005, 17 permohonan untuk membeli kenderaan telah diluluskan. Semakan Audit terhadap 11 permohonan yang diluluskan mendapati Pejabat mengambil masa antara 2 hingga 5 minggu untuk memproses permohonan dari tarikh penerimaan sehinggalah cek diterima oleh peminjam.

**9.6.4 Penyelenggaraan Rekod Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Semakan Audit terhadap penyelenggaraan dan pengurusan rekod Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pendahuluan diri mendapati perkara seperti berikut:

- a) Daftar dan lejar individu bagi pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pendahuluan diri telah diselenggarakan dengan kemas kini.

- b) Fail individu pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan diri telah diurus dengan teratur dan kemas kini. Butiran bagi permohonan pinjaman, kelulusan dan sebagainya ada disimpan dalam fail individu berkenaan termasuk salinan Kad Pendaftaran Kenderaan yang dicap “Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan” dan salinan polisi insurans.
- c) Bagi pendahuluan diri melibatkan tuntutan perjalanan semuanya telah dijelaskan dengan sewajarnya. Hanya pendahuluan diri bagi potongan gaji sahaja yang dijelaskan secara ansuran bulanan.
- d) Bagi akaun yang ditutup, tandatangan pegawai bertanggungjawab tidak diturunkan dalam kad lejar berkenaan bagi mengesahkan penutupan akaun tersebut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan akaun amanah dan deposit yang dilaksana adalah memuaskan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.**

## **10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemantauan berterusan perlu diberi terutama terhadap keperluan pertambahan peruntukan perbelanjaan mengurus yang semakin meningkat pada setiap tahun, penyata penyesuaian hasil bulanan yang lewat dikemukakan, penguatkuasaan kutipan tunggakan hasil, mengemaskinikan daftar pembayaran secara tunai, kelulusan pembayaran di bawah AP 58(a) dan kegagalan agensi membuat pembayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri mengikut jadual.

## PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

### 11. LATAR BELAKANG

Pengurusan dan kawalan kewangan Jabatan Kerajaan ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan manakala tanggungjawab melaksanakan pengurusan dan kawalan ini dijalankan oleh Pegawai Pengawal atau wakilnya. Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Jabatan yang dipilih untuk menentukan sama ada tanggungjawab tersebut telah dilaksanakan selaras dengan kehendak peraturan kewangan. Pada tahun 2005, pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan di 4 Pejabat Daerah Dan Tanah iaitu Rompin, Jerantut, Kuantan dan Maran. Kedudukan jumlah hasil, perbelanjaan dan deposit bagi 4 Pejabat Daerah Dan Tanah tersebut adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**

**Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi 4 Pejabat Daerah Dan Tanah  
Pada Tahun 2005**

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Pejabat</b>	<b>Hasil (RM Juta)</b>	<b>Perbelanjaan (RM Juta)</b>	<b>Deposit (RM Juta)</b>
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	20.29	3.72	2.55
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	7.73	3.95	0.91
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	46.60	3.98	15.62
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	4.87	3.02	0.53
<b>Jumlah</b>		<b>79.49</b>	<b>14.67</b>	<b>19.61</b>

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

### 12. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini bertujuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Di samping itu wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah/deposit dan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2005 seperti Buku

Tunai Hasil Dan Deposit, Lejar Deposit, Buku Vot, Penyata Penyesuaian, Daftar Harta Modal dan Inventori serta Buku Log. Pengesahan terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya. Perbincangan dengan pegawai terlibat diadakan bagi mendapat penjelasan dan maklumat berkaitan.

### 13. PENEMUAN AUDIT

#### 13.1 KAWALAN PENGURUSAN

**13.1.1** Ketua Jabatan bertanggungjawab mengadakan pengurusan yang mantap bagi meningkatkan kecekapan dan memenuhi objektif organisasi serta keperluan pelanggannya. Keperluan ini terkandung dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 6 Tahun 1991 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004. Antaranya mewujudkan struktur organisasi yang jelas, menyediakan panduan kerja yang lengkap seperti Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja serta menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan serta Maran ada menyediakan Manual Prosedur Kerja yang lengkap dan kemas kini untuk dijadikan panduan oleh pegawai semasa melaksanakan tugas mereka. Empat Pejabat Daerah Dan Tanah yang dipilih telah menubuhkan JPKA dan telah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan laporan suku tahun dihantar kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang kecuali Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan berkaitan kawalan pengurusan adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Kedudukan Kawalan Pengurusan**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Kawalan Pengurusan					
		a	b	c	d	e	f
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	/	X	/	X	/	/
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	/	X	X	X	/	/
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	/	/	X	X	/	X
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	/	/	X	X	/	/

*Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi*

- a. *Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat.*
- b. *Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini.*
- c. *Fail Meja disediakan bagi setiap anggota.*
- d. *Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini.*
- e. *Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan.*
- f. *Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat 3 bulan sekali atau 4 kali setahun.*

**13.1.2** Fail Meja kakitangan di semua Pejabat Daerah Dan Tanah yang dilawati tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Manakala sebahagian lagi kakitangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan, Jerantut serta Maran masih belum mempunyai Fail Meja masing-masing. Selain itu, Manual Prosedur Kerja bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin serta Jerantut tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**13.1.3** Sebanyak 93 kekosongan jawatan yang sebahagian besar melibatkan Kumpulan Sokongan belum diisi di 4 Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan di Pejabat Daerah Dan Tanah adalah kurang memuaskan kerana Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan tidak dikemaskinikan.**

## **13.2 KAWALAN HASIL**

**13.2.1** Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah akan memastikan hasil dapat dikutip dan diakaunkan dengan segera dan betul. Tanggungjawab Pemungut Hasil adalah untuk memungut, menyimpan, dan mengakaunkan kutipan hasil dengan sempurna dan teratur. Kawalan rekod dan dokumen kewangan seperti pengeluaran resit, penyelenggaraan Buku Tunai, serahan pungutan ke bank, pengesahan dan penyesuaian laporan hasil serta pemeriksaan harian oleh pegawai penyelia merupakan elemen penting yang perlu ada pada setiap aspek kawalan hasil.

**13.2.2** Secara umumnya, kawalan hasil di setiap Pejabat Daerah Dan Tanah yang diaudit adalah memuaskan. Rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti pengeluaran resit berkomputer telah berjalan dengan lancar dan teratur. Pegawai penyelia telah menyemak Buku Tunai dan resit pada setiap hari dan wang kutipan dimasukkan ke bank dengan segera kecuali



pungutan lewat akan disimpan dalam bilik kebal berkunci dan dimasukkan ke bank pada hari berikutnya. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
		a	b	c	d	e	f	g	h
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	TB	/	/	/	/	/	/	/
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	TB	/	/	/	/	/	/	/
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	TB	/	/	/	/	/	/	TB
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	TB	/	/	/	/	/	/	TB

Nota: / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan.
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit.
- c. Kebenaran bertulis diberi kepada pegawai yang menerima wang.
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam.
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera.
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga ada dijalankan
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini.
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri aktiviti pungutan hasil.

**13.2.3** Semakan Audit juga mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin, Jerantut dan Maran tidak menggunakan khidmat kawalan keselamatan semasa membawa wang pungutan hasil ke bank. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut pula tidak menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan barang berharga lain mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, ciri keselamatan di ruang kaunter terimaan hasil di Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin serta Jerantut perlu dipertingkatkan.

**Pada pandangan Audit, kawalan hasil di setiap Pejabat Daerah Dan Tanah adalah memuaskan. Namun begitu, aspek kawalan hasil seperti ruang kaunter terimaan hasil dan langkah keselamatan semasa memasukkan wang ke bank perlu diberi perhatian.**

### 13.3 KAWALAN PERBELANJAAN

**13.3.1** Kawalan perbelanjaan merupakan aspek yang penting terhadap pengurusan kewangan sesebuah Jabatan. Setiap perbelanjaan perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal dan direkod dengan kemas kini. Bagi melancarkan pengurusan kewangan Jabatan Negeri, Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) telah dilaksanakan diseluruh Negeri Pahang melibatkan semua rekod dan dokumen pengurusan kewangan disetiap Jabatan. Kawalan rekod kewangan seperti penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Bil, pengesahan laporan perbelanjaan bulanan serta pemeriksaan oleh pegawai penyelia merupakan elemen penting kawalan perbelanjaan.

**13.3.2** Pada tahun 2005, perbelanjaan mengurus bagi 4 Pejabat Daerah Dan Tanah yang diaudit adalah berjumlah RM11.61 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM3.03 juta. Adalah didapati kawalan perbelanjaan bagi setiap Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan secara keseluruhannya adalah memuaskan. Perwakilan kuasa meluluskan pembayaran telah diberikan kepada pegawai yang sepatutnya. Buku Vot telah diselenggara dengan baik dan memuaskan serta dipantau oleh pegawai penyelia. Daftar Bil juga diselenggarakan dengan kemas kini di Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin, Jerantut dan Kuantan. Borang Pesanan Kerajaan dan Inden Kerja telah ditandatangani dan diperakukan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Pada keseluruhannya, kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Kawalan Perbelanjaan**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
		a	b	c	d	e	f	g
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	/	/	X	/	/	/	/
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	/	/	X	/	/	/	/
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	/	/	/	/	/	/	/
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	/	/	X	/	/	X	X

Nota : / : Mematuhi    X : Tidak Mematuhi

- a. *Transaksi di Buku Vot diperaku oleh pegawai bertanggungjawab.*
- b. *Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia.*
- c. *Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- d. *Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap.*
- e. *Surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan.*
- f. *Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- g. *Daftar Bil diperaku oleh pegawai kanan.*

**13.3.3** Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Maran hanya menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan setakat bulan April 2005 dan tidak menyelenggarakan Daftar Bil. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin serta Jerantut tidak mengemaskinikan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan secara keseluruhannya adalah memuaskan.**

#### **13.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

**13.4.1** Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan penyelenggaraan Akaun Amanah/Deposit mengikut peraturan atau syarat yang ditetapkan. Rekod seperti Buku Tunai, Lejar Individu, penyata penerimaan dan pembayaran hendaklah diselenggara atau disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap pengurusan Akaun Amanah/Deposit di 4 Pejabat Daerah Dan Tanah mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Pengurusan Akaun Deposit**

Pada tahun 2005, sebanyak 6 jenis akaun deposit telah diselenggara terdiri daripada 4 Akaun Deposit Tanah dan 2 Akaun Deposit Pelbagai dengan pegangan berjumlah RM19.61 juta. Lejar Kawalan Deposit diselenggara dengan memuaskan dan kemas kini. Penyata Penyesuaian bagi Deposit Tanah disediakan secara terperinci pada setiap bulan untuk dikemukakan kepada Akauntan Negeri. Namun begitu, Penyata Penyesuaian Deposit Pelbagai tidak disediakan di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan serta Maran dengan alasan transaksi tahunan adalah kecil.

##### **b) Pewartaan Deposit**

Arahan Perbendaharaan 162 menghendaki deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit tersebut boleh dikembalikan hendaklah diwartakan. Pejabat Daerah Dan Tanah Maran telah mengambil langkah berterusan untuk

mewartakan Deposit Tanah yang dipegang. Kali terakhir deposit berkenaan diwartakan ialah pada bulan Julai 2004 berjumlah RM125,065. Sementara itu, sehingga bulan Oktober 2005, sejumlah RM38,500 lagi sedang diambil tindakan untuk pewartaan. Namun begitu, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan masih belum mewartakan sebahagian daripada 749 akaun Deposit Tanah yang dipegang antara tahun 1981 hingga 2005 berjumlah RM12.53 juta. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin pula mempunyai 595 akaun deposit berjumlah RM1.62 juta yang melibatkan tempoh antara tahun 1965 hingga 2000, manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut mempunyai akaun deposit antara tahun 1981 hingga 2005 berjumlah RM911,858 yang juga boleh diambil tindakan untuk tujuan pewartaan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Akaun Amanah/Deposit di setiap Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan adalah memuaskan. Namun begitu, aspek pewartaan akaun deposit yang tidak aktif perlu diambil tindakan dengan segera.**

### **13.5 PENGURUSAN ASET**

**13.5.1** Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, semua harta modal dan inventori hendaklah direkodkan pada Daftar Harta Modal dan Inventori manakala pergerakannya hendaklah direkodkan pada Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori. Panduan 238 Tatacara Pengurusan Stor menetapkan semua harta modal dan inventori hendaklah diperiksa dengan daftar berkenaan sekurang-kurangnya sekali setiap 2 tahun. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997 pula menetapkan harta modal dan inventori yang tidak ekonomik dibaiki dan tidak boleh digunakan hendaklah dilupuskan dengan segera. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki kenderaan diurus dengan baik dan digunakan untuk tujuan rasmi. Bagi memenuhi kehendak ini rekod kenderaan iaitu Buku Log dan fail kenderaan hendaklah disediakan dan diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**13.5.2** Semakan Audit terhadap pengurusan aset di 4 Pejabat Daerah Dan Tanah mendapati secara keseluruhannya adalah memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan pengurusan aset bagi setiap Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Pengurusan Aset**

Bil.	Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
		a	b	c	d	e	f	g	h	i
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	/	X	/	/	/	/	X	/	/
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	/	X	/	/	/	/	X	/	/
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	X	X	/	/	/	/	X	TB	TB
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	X	X	/	/	/	/	X	TB	TB

Nota : /: Mematuhi X: Tidak Mematuhi TB: Tidak Berkenaan

- a. *Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- b. *Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori.*
- c. *Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'.*
- d. *Verifikasi stok dijalankan.*
- e. *Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis.*
- f. *Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan.*
- g. *Buku Log kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- h. *Aset usang diambil tindakan pelupusan.*
- i. *Pelupusan aset disegerakan.*

**13.5.3** Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, semakan lanjut juga telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan pengurusan aset seperti berikut:

**a) Daftar Harta Modal Dan Inventori**

Semakan Audit mendapati sebahagian Daftar Harta Modal dan Inventori di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan serta Maran tidak dikemaskinikan dengan transaksi semasa seperti pembelian baru dan penyenggaraan harta modal.

**b) Pemeriksaan Aset**

Tiada tarikh dan tandatangan pegawai yang memeriksa pada ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal' bagi membuktikan pemeriksaan terhadapnya telah dibuat.

**c) Buku Log Kenderaan**

Buku Log didapati sentiasa disimpan dalam kenderaan Jabatan. Bagaimanapun, ia tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di setiap Pejabat Daerah Dan Tanah. Ruangan seperti pengesahan pegawai yang memberi kuasa serta pegawai

mengguna kenderaan dan ringkasan penggunaan bahan api tidak dicatat. Salinan asal Buku Log yang telah dicatat tidak diceraikan dan disimpan di Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin serta Jerantut untuk pemeriksaan Ketua Jabatan. Selain itu, pemeriksaan mingguan dan pemeriksaan mengejut terhadap Buku Log dan kenderaan tidak dilakukan di Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan serta Maran.

**d) Pelupusan Aset**

Aset di Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin serta Jerantut yang telah usang ada dibuat pelupusan tetapi pelaksanaannya berlaku sedikit kelewatan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset bagi setiap Pejabat Daerah Dan Tanah tersebut adalah memuaskan.**

#### **14. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/deposit dan aset adalah memuaskan. Namun begitu, kawalan pengurusan adalah kurang memuaskan. Pejabat Daerah Dan Tanah perlu mengambil perhatian terhadap Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, kaunter terimaan hasil, keselamatan semasa memasukkan wang ke bank, pewartaan deposit yang tidak aktif, mengemaskinikan Daftar Harta Modal, pemeriksaan harta modal dan penyelenggaraan Buku Log kenderaan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan pegawai mereka mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

#### **15. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

##### **15.1 LATAR BELAKANG**

Program Penampilan Audit mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan tujuan membolehkan pemeriksaan Audit dilakukan terhadap Jabatan/Pejabat yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan pada sesuatu tahun berkenaan. Dengan adanya program ini, Jabatan/Pejabat tidak akan ketinggalan untuk mendapat pandangan dan nasihat daripada

pihak Audit dalam usaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangannya.

## **15.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Tujuan Program Penampilan Audit ini secara umumnya adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan. Selain itu, ia juga bagi mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Jabatan/Pejabat terhadap pentingnya mengurus kewangan dan aset secara cermat dan teratur. Dengan pelaksanaan Program Penampilan Audit, adalah diharapkan Jabatan Audit Negara dapat membantu Jabatan/Pejabat untuk mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan meningkatkan akauntabilitinya.

## **15.3 PELAKSANAAN**

Pada tahun 2005, sebanyak 34 Jabatan/Pejabat telah dipilih bagi tujuan Program Penampilan Audit. Ia melibatkan Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit melebihi 3 tahun. Kaedah pelaksanaan Program Penampilan Audit dibuat dengan memeriksa atau menyemak secara keseluruhan dari aspek pengurusan kewangan iaitu kawalan hasil, perbelanjaan, amanah/deposit, aset dan kawalan pengurusan. Pengauditan mengambil masa antara 1 hingga 3 hari dan disusuli dengan surat pemerhatian Audit serta perbincangan dengan pihak Jabatan/Pejabat untuk mengatasi masalah atau kelemahan pengurusan kewangan.

## **15.4 PENEMUAN AUDIT**

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat yang dilawati terutama dari segi kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, aset dan kawalan pengurusan.

### **15.4.1 Kawalan Hasil**

Semakan Audit mendapati kawalan hasil bagi 14 Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan. Ini adalah berdasarkan kepada pematuhan peraturan kewangan yang ditetapkan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang kemas kini. Namun begitu, kawalan hasil bagi 9 Jabatan/Pejabat adalah kurang memuaskan kerana Penyata Penyesuaian Hasil dan pemeriksaan mengejut tidak dibuat. Selain itu, flimsi Perbendaharaan Negeri lewat disahkan.

#### **15.4.2 Kawalan Perbelanjaan**

Semakan Audit mendapati kawalan perbelanjaan bagi 16 Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan. Ini adalah berdasarkan kepada pematuhan peraturan kewangan yang ditetapkan serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang kemas kini. Namun begitu, kawalan perbelanjaan bagi 12 Jabatan/Pejabat yang lain adalah kurang memuaskan kerana Buku Vot tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab, tanggungan perbelanjaan tidak dicatat dan Daftar Bil serta Daftar Bayaran tidak dikemaskinikan.

#### **15.4.3 Pengurusan Aset**

Semakan Audit mendapati pegawai yang bertanggungjawab di 17 Jabatan/Pejabat yang dilawati tidak melakukan pemeriksaan fizikal ke atas aset mengikut tempoh yang ditetapkan oleh peraturan. Selain itu, maklumat pada Daftar Harta Modal dan Inventori juga tidak kemas kini. Namun begitu, pengurusan aset bagi 14 Jabatan/Pejabat yang lain adalah memuaskan kerana telah mematuhi peraturan ditetapkan.

**15.4.4** Kedudukan kawalan hasil, kawalan perbelanjaan serta pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 17**.



**Jadual 17**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Pejabat Dilawati	Kawalan Hasil		Kawalan Perbelanjaan		Pengurusan Aset	
			M	TM	M	TM	M	TM
1.	Jabatan Pertanian	5	1	4	1	4	2	3
2.	Jabatan Bekalan Air	4	2	2	2	2	2	2
3.	Jabatan Perhutanan	3	TB	TB	2	TB	2	TB
4.	Jabatan Mineral dan Geosains	1	TB	TB	TB	1	TB	1
5.	Jabatan Kerja Raya	2	2	0	2	0	1	1
6.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	3	TB	TB	TB	TB	2	1
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1	1	0	1	0	1	0
8.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	2	2	0	2	0	TB	TB
9.	Jabatan Agama Islam Pahang	4	2	2	3	1	1	3
10.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	1	TB	TB	TB	1	TB	1
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah	3	2	1	2	1	2	1
12.	Dewan Undangan Negeri	1	TB	TB	TB	1	TB	1
13.	Pejabat Pengelola Bijaya DiRaja	1	TB	TB	1	TB	TB	1
14.	Pejabat Mufti Negeri	1	TB	TB	TB	1	TB	1
15.	Mahkamah Rendah Syariah	2	2	0	TB	TB	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>34</b>	<b>14</b>	<b>9</b>	<b>16</b>	<b>12</b>	<b>14</b>	<b>17</b>

*Nota: M = Memuaskan TM = Tidak Memuaskan TB = Tidak Berkenaan (Semakan Tidak Dibuat)*

### 15.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Walaupun jumlah pungutan hasil dan perbelanjaan tahunan Jabatan/Pejabat adalah kecil namun peraturan kewangan yang berkuat kuasa perlulah dipatuhi. Pada pendapat Audit, selain pemantauan oleh pihak Ibu Pejabat, peranan Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Unit Audit Akaun Tunai (Naziran) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri adalah perlu bagi memastikan semua Jabatan/Pejabat mengemaskinikan rekod kewangan dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

## **16. PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **16.1 PENDAHULUAN**

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan tahap pengurusan kewangan sesuatu Jabatan/Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan, adalah didapati kelemahan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri masih lagi berlaku walaupun telah sering kali ditegur melalui Laporan Ketua Audit Negara. Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri bagi memantapkan pengurusan kewangannya. Melalui program ini, Jabatan Audit Negara mengambil langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri yang bermasalah dari aspek pengurusan kewangannya. Ini selaras dengan visi Jabatan Audit Negara untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti di sektor awam. Jabatan/Agensi Negeri akan diberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti.

### **16.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif program adalah untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memantapkan pengurusan kewangan dengan memberi bimbingan dan nasihat terutama dari segi penyelenggaraan rekod kewangan serta mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

### **16.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN**

Pelaksanaan program yang dijalankan oleh pihak Audit adalah bergantung kepada Jabatan/Agensi Negeri yang mempunyai kelemahan pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan sama ada oleh Jabatan Audit Negara atau Unit Audit Dalam. Di samping itu, pihak Audit juga mengambil kira cadangan oleh Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang menunjukkan minat atau inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya. Pada tahun 2005, sebanyak 2 Jabatan/Agensi Negeri telah dipilih sebagai Anak Angkat iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis dan Majlis Sukan Pahang. Manakala 2 Jabatan/Agensi merupakan Jabatan/Agensi yang masih diteruskan program tersebut sejak tahun 2003 iaitu Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Sehingga akhir tahun 2005, 3 Jabatan/Agensi Negeri telah berjaya mencapai matlamat iaitu

Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis, Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Rompin telah ditamatkan. Bagaimanapun, program di Jabatan Agama Islam Pahang gagal mencapai matlamat dan telah ditamatkan.

#### **16.4 TATACARA PELAKSANAAN**

Jabatan/Agensi Negeri yang dipilih bagi Program Anak Angkat akan dimaklumkan melalui surat pelantikan rasmi dan satu *entrance conference* akan diadakan untuk memberi penjelasan mengenai program ini. Di samping itu, seorang pegawai dari Jabatan/Agensi Negeri akan dilantik sebagai *Liason Officer* bagi memudahkan perhubungan dan tindakan susulan. Pihak Audit akan mendapatkan pandangan dan maklum balas Jabatan/Agensi Negeri mengenai aspek kelemahan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, pihak Audit akan mengenal pasti masalah pengurusan kewangan dengan membuat penilaian menyeluruh terhadap aspek kawalan hasil, perbelanjaan, amanah, deposit, aset dan kawalan pengurusan. Tumpuan akan diberikan terhadap kelemahan yang paling ketara dan punca utama wujudnya masalah pengurusan kewangan. Kelemahan yang dikenal pasti akan dibincangkan dengan Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan untuk mendapatkan penjelasan dan komitmen Ketua Jabatan terhadap langkah pembetulan yang perlu diambil. Pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod kewangan Jabatan/Agensi Negeri juga akan diberi bimbingan/latihan secara teori dan praktikal. Bagi memastikan tindakan pembetulan dilakukan secara berterusan, lawatan ke Jabatan/Agensi Negeri dibuat sekurang-kurangnya sekali setiap 3 bulan. Program ini akan dikekalkan sehingga Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat berjaya memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan dan pihak Audit telah berpuas hati terhadap pencapaian keseluruhannya.

#### **16.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Program ini telah dijalankan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan kepada kelemahan pengurusan kewangan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun sebelumnya. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a) Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis masih belum mengemaskinikan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.
- b) Majlis Sukan Pahang belum menyediakan Manual Prosedur Kerja.
- c) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis masih belum ditubuhkan.
- d) Pemeriksaan mengejut belum dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis.
- e) Daftar Bil di Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis tidak dikemaskinikan.
- f) Pengurusan harta modal dan inventori kurang memuaskan di Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis serta Majlis Sukan Pahang.
- g) Kelewatan penyediaan penyata kewangan tahunan dan kawalan penyelenggaraan Buku Vot kurang memuaskan di Majlis Daerah Rompin.
- h) Jabatan Agama Islam Pahang tidak menyelenggarakan Daftar Harta Modal dan Inventori dengan kemas kini serta pemeriksaan tahunan tidak dilakukan.

## **16.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

Secara keseluruhannya, Jabatan/Agensi Negeri menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi komitmen dan kerjasama yang sepenuhnya. Jabatan/Agensi Negeri terlibat telah berusaha untuk memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan dengan mengambil beberapa langkah seperti berikut:

**16.6.1** Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis sedang mengemaskinikan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja, mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, pegawai yang bertanggungjawab telah menjalankan pemeriksaan mengejut dan mengemaskinikan Daftar Bil.

**16.6.2** Majlis Sukan Pahang telah menubuhkan jawatankuasa untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja yang lengkap seperti yang ditetapkan manakala pengurusan Harta Modal dan Inventori telah diurus dengan memuaskan.

**16.6.3** Jabatan Agama Islam Pahang telah menubuhkan pasukan petugas untuk mengemaskinikan penyelenggaraan rekod dan pengurusan aset.

**16.6.4** Majlis Daerah Rompin telah menggunakan pakej perisian perakaunan untuk menyediakan penyata kewangannya.

## **16.7 PENCAPAIAN**

Berdasarkan prestasi dan penglibatan Jabatan/Agensi Negeri berkenaan, Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis, Majlis Sukan Pahang serta Majlis Daerah Rompin telah mencapai matlamatnya. Secara keseluruhannya ketiga-tiga Jabatan/Agensi Negeri berkenaan telah berjaya mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dengan memuaskan seperti berikut:

- a) Pejabat Daerah dan Tanah Lipis telah mengemaskinikan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja mengikut peraturan yang ditetapkan dan melantik seorang Pembantu Tadbir (Stor) untuk menguruskan aset dengan lebih teratur.
- b) Majlis Sukan Pahang telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan menguruskan aset dengan lebih teratur.
- c) Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin telah disiapkan dan dihantar mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Semua pemerhatian yang dibangkitkan kepada Jabatan/Agensi Negeri terlibat telah diambil tindakan sewajarnya. Penglibatan pegawai dan kakitangannya bagi menjayakan program ini amat menggalakkan. Bagaimanapun, program Anak Angkat yang dijalankan di Jabatan Agama Islam Pahang tidak mencapai matlamat yang ditetapkan kerana masih banyak kelemahan yang belum diatasi setelah 2 tahun program ini diadakan.

## **16.8 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Program Anak Angkat telah berjaya membantu menangani masalah pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Segala usaha telah dilakukan untuk memastikan Jabatan/Agensi Negeri dapat menguruskan kewangannya serta rekod yang berkaitan dengan teratur dan sempurna. Bagi memantapkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa hendaklah dipatuhi. Jabatan Audit Negara mengucapkan tahniah kepada Jabatan/Agensi Negeri yang telah berjaya menamatkan Program Anak Angkat ini dengan jayanya.

### **BAHAGIAN III BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

#### **17. PENDAHULUAN**

Jabatan Audit Negara, selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan aktiviti Jabatan, juga menjalankan pengauditan terhadap 21 Agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada 9 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2005, selain mengaudit penyata kewangan tahunan Agensi berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap Perbadanan Stadium Darul Makmur dan Majlis Daerah Jerantut. Pemerhatian Audit mengenai perkara berbangkit telah dimaklumkan kepada Agensi terlibat dan hanya isu dan perkara penting dilaporkan di bahagian ini.

#### **18. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

**18.1** Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk menentukan sama ada akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan betul dan tepat. Daripada 21 Agensi Kerajaan Negeri tersebut, penyata kewangan bagi 8 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan Firma Audit Swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

**18.2** Bagi memastikan Firma Audit Swasta menjalankan pengauditan selaras dengan surat perjanjian kontrak, Jabatan Audit Negara telah memantau sama ada sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, Firma Audit Swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan

mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2005, dua Firma Audit Swasta memohon tempoh lanjutan masa pengauditan atas alasan penjadualan semula jadual kerja kerana terlalu banyak cuti umum dan kesukaran pihak Audit untuk mendapat penjelasan terhadap perkara tertanggung yang dibangkitkan daripada Agensi berkenaan. Kelulusan telah diberi untuk 2 permohonan tersebut. Pada akhir pengauditan, Firma Audit Swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail Kertas Kerja Audit, Laporan Terperinci dan Laporan Juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kertas kerja Audit akan disemak untuk memastikan perkara material dibangkitkan, bukti Audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format yang ditetapkan. Setiap akhir tahun, prestasi semua Firma Audit Swasta dinilai dan diambil kira semasa membuat keputusan untuk ditawarkan khidmat pengauditan penyata kewangan seterusnya.

## **19. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

**19.1** Mengikut Akta Audit 1957, semua penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang Agensi berkenaan. Sehingga bulan Mei 2006, kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi semakin bertambah baik iaitu semua Agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2004. Segala usaha gigih Ketua Agensi untuk memastikan agar penyata kewangan tahunan Agensinya dapat dikemukakan mengikut jadual adalah sangat dihargai dan diharapkan usaha tersebut dapat dikekalkan. Kedudukan terperinci penyerahan penyata kewangan Agensi sehingga bulan Mei 2006 adalah seperti di **Lampiran III**.

## **20. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

**20.1** Sehingga bulan Mei 2006, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 19 penyata kewangan Agensi iaitu 10 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, satu penyata kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan 8 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak 15 penyata kewangan diberi Sijil Tanpa Teguran iaitu 6 bagi Badan Berkanun Negeri, satu bagi Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan 8 bagi Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala 4 Sijil Berteguran telah diberi kepada penyata kewangan Badan Berkanun Negeri. Maklumat lanjut mengenai persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran IV**.

**20.2** Penyata kewangan disahkan dengan Sijil Berteguran apabila ada isu yang dibangkitkan menjejaskan pengesahan Audit terhadap angka di penyata kewangan sama ada dari aspek pematuhan kepada piawaian perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a) Butiran tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan.
- b) Penyelenggaraan rekod perakaunan tidak kemas kini.
- c) Tidak mematuhi piawaian perakaunan.

## **21. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga bulan Mei 2006, sebanyak 20 penyata kewangan telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri iaitu 12 daripadanya adalah penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 8 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Ia adalah disebabkan kegagalan Agensi berkenaan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk membincangkan penyata kewangan yang telah disahkan sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat terperinci mengenai pembentangan penyata kewangan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Lampiran V**.

## **22. PRESTASI KEWANGAN**

### **22.1 KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

Analisis kedudukan penyata kewangan adalah berdasarkan kepada 5 Badan Berkanun Negeri dan 1 Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 yang telah disahkan. Maklumat mengenai kedudukan kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang tersebut adalah seperti di **Jadual 18**.



## Jadual 18

### Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2004			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2004		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Lembaga Pembangunan Tioman	2.62	2.76	(0.14)	2.98	3.70	(0.72)
2.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2.17	2.27	(0.10)	1.60	5.74	(4.14)
3.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.68	0.78	(0.10)	0.36	0.23	0.13
4.	Majlis Sukan Pahang	4.87	4.77	0.10	0.14	0.21	(0.07)
5.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	110.49	91.74	18.75	67.37	94.06	(26.69)
6.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu, Pahang	23.35	1.92	21.43	74.96	11.36	63.60

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri & Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang

#### 22.1.1 Lembaga Pembangunan Tioman

Prestasi kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada tahun 2004 adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2003. Pendapatan Lembaga adalah berjumlah RM2.62 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM2.76 juta. Lembaga telah mengalami kekurangan pendapatan ke atas perbelanjaan sejumlah RM0.14 juta pada tahun 2004 berbanding lebih pendapatan sejumlah RM0.50 juta pada tahun 2003. Namun begitu kedudukan Dana Terkumpul Lembaga masih kukuh iaitu berjumlah RM1.15 juta pada akhir tahun 2004.

Aset semasa Lembaga pada tahun 2004 berjumlah RM2.98 juta manakala liabiliti semasa berjumlah RM3.70 juta. Kedudukan nisbah semasa Lembaga hanya 0.81:1 adalah rendah dan dikhuatiri Lembaga akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan liabiliti semasanya kelak.

#### 22.1.2 Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser

Prestasi kewangan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser bagi tahun 2004 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya walaupun masih mengalami lebih perbelanjaan ke atas

pendapatan. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2004 berjumlah RM2.17 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM2.27 juta. Lebihan perbelanjaan ke atas pendapatan telah berkurangan daripada RM3.30 juta pada tahun 2003 menjadi RM0.10 juta pada tahun 2004.

Aset semasa Perbadanan pada tahun 2004 berjumlah RM1.60 juta manakala liabiliti semasa berjumlah RM5.74 juta. Nisbah semasa Perbadanan hanya 0.28:1 dan Perbadanan akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan liabiliti semasanya pada jangka masa pendek terutamanya aset semasa yang sebahagian besarnya adalah merupakan Pelbagai Penghutang yang diragui dapat dituntut.

### **22.1.3 Perbadanan Stadium Darul Makmur**

Prestasi Kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur bagi tahun berakhir 2004 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya walaupun masih mengalami lebihan perbelanjaan ke atas pendapatan. Kurangan pendapatan ke atas perbelanjaan telah berkurangan iaitu daripada RM368,927 pada tahun 2003 kepada RM98,886 pada tahun 2004. Peningkatan perbelanjaan yang paling ketara adalah bagi Perhubungan Dan Utiliti daripada RM118,829 pada tahun 2003 kepada RM203,581 pada tahun 2004.

### **22.1.4 Majlis Sukan Pahang**

Prestasi kewangan Majlis Sukan Pahang pada tahun 2004 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Majlis memperoleh lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan berjumlah RM98,911 berbanding kurangan pendapatan ke atas perbelanjaan berjumlah RM130,894 pada tahun 2003. Majlis mempunyai aset semasa berjumlah RM143,194 dan liabiliti semasa berjumlah RM208,136 dan ini bermakna aset bersih semasa Majlis adalah negatif. Kedudukan nisbah semasa adalah rendah iaitu 0.69:1 dan ia adalah di bawah kadar lazim 2:1. Majlis berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan segala liabiliti semasa sekiranya keadaan ini berterusan.

### **22.1.5 Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang**

Prestasi Kewangan Majlis pada tahun 2004 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Majlis memperoleh lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan berjumlah RM21.43 juta berbanding RM14.96 juta pada tahun 2003. Punca utama peningkatan pendapatan Majlis ialah daripada lebihan pindahan Akaun Zakat Dan Fitrah, Akaun Baitulmal - Am serta keuntungan Akaun Pelaburan Dan Dividen.

Majlis mempunyai aset semasa berjumlah RM74.96 juta dan liabiliti semasa berjumlah RM11.36 juta. Kedudukan nisbah semasa Majlis 6.6:1 adalah amat baik dan Majlis tidak menghadapi masalah untuk menyelesaikan segala liabiliti semasanya.

#### **22.1.6 Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang**

Prestasi Kewangan Lembaga pada tahun 2004 adalah lebih baik berbanding tahun 2003. Pendapatan Lembaga pada tahun 2004 adalah berjumlah RM110.49 juta manakala perbelanjaan pula berjumlah RM91.74 juta. Ini bermakna Lembaga memperoleh lebih pendapatan ke atas perbelanjaan sejumlah RM18.75 juta berbanding RM10.98 juta pada tahun 2003. Penyumbang utama peningkatan pendapatan Lembaga adalah kerana peningkatan pendapatan lain sejumlah RM5.72 juta dan pengurangan kos kewangan sejumlah RM3.75 juta.

Aset semasa Lembaga pada tahun 2004 berjumlah RM67.37 juta manakala liabiliti semasa berjumlah RM94.06 juta. Jika dilihat dari nisbah semasa, Lembaga kurang berupaya untuk menjelaskan liabiliti semasanya bagi jangka masa pendek kerana nisbah semasa Lembaga hanya 0.72:1 dan ia berada di bawah paras kadar lazim 2:1.

### **23. KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**23.1** Analisis kedudukan kewangan terhadap 11 Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan pada tahun 2004, hanya 5 daripada 11 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatat lebih pendapatan iaitu Majlis Daerah Maran, Majlis Daerah Cameron Highlands, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Raub dan Majlis Daerah Pekan iaitu berjumlah RM0.15 juta, RM1.53 juta, RM0.38 juta, RM0.36 juta dan RM1.48 juta masing-masing. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan yang lain mengalami defisit antara RM0.09 juta hingga RM1.62 juta.

**23.2** Analisis yang dibuat terhadap aset dan liabiliti semasa Pihak Berkuasa Tempatan pula menunjukkan kedudukan aset semasa semua Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Daerah Rompin adalah memuaskan. Kedudukan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004**

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2004			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2004		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	61.17	62.79	(1.62)	24.99	13.83	11.16
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	16.11	16.89	(0.78)	10.86	4.23	6.63
3.	Majlis Daerah Bentong	17.65	17.74	(0.09)	19.76	1.90	17.86
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	6.34	4.81	1.53	17.59	2.18	15.41
5.	Majlis Daerah Raub	9.51	9.15	0.36	4.09	1.12	2.97
6.	Majlis Darah Jerantut	6.12	5.74	0.38	1.83	0.47	1.36
7.	Majlis Daerah Bera	6.77	6.95	(0.18)	7.21	0.84	6.37
8.	Majlis Daerah Maran	5.47	5.32	0.15	3.30	1.69	1.61
9.	Majlis Daerah Pekan	12.75	11.27	1.48	4.15	1.89	2.26
10.	Majlis Daerah Lipis	6.67	7.09	(0.42)	1.80	1.61	0.19
11.	Majlis Daerah Rompin	5.93	6.08	(0.15)	1.32	3.63	(2.31)

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

#### 24. TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

**24.1** Tunggakan hasil cukai taksiran bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2004 berjumlah RM33.63 juta menurun sejumlah RM0.10 juta berbanding tahun 2003. Analisis Audit mendapati 7 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2004 berbanding tahun 2003. Satu daripadanya mengalami kenaikan tunggakan melebihi RM0.50 juta iaitu Majlis Perbandaran Temerloh. Manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Daerah Cameron Highlands dan Majlis Daerah Jerantut. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20****Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pada Tahun 2003 Dan 2004**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Tahun 2003 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2004 (RM Juta)</b>	<b>Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)</b>
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	17.27	15.70	(1.57)
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	4.83	5.55	0.72
3.	Majlis Daerah Bentong	2.93	3.08	0.15
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.69	0.58	(0.11)
5.	Majlis Daerah Raub	2.21	2.51	0.30
6.	Majlis Daerah Jerantut	1.29	1.12	(0.17)
7.	Majlis Daerah Bera	0.26	0.26	0.00
8.	Majlis Daerah Maran	1.39	1.55	0.16
9.	Majlis Daerah Pekan	1.34	1.62	0.28
10.	Majlis Daerah Lipis	0.96	0.99	0.03
11.	Majlis Daerah Rompin	0.56	0.66	0.10
<b>Jumlah</b>		<b>33.73</b>	<b>33.62</b>	<b>(0.11)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

## **PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **25. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Stadium Darul Makmur Pahang (Perbadanan) ditubuhkan di bawah Enakmen No. 5 Tahun 1973 yang dinamakan Enakmen Perbadanan Stadium Darul Makmur Pahang 1973 (Pindaan 1989) dan berkuat kuasa pada 29 Jun 1973. Sejalan dengan fungsinya sebagai Agensi memajukan kepentingan sukan Negeri Pahang, Perbadanan bertanggungjawab mengurus dan menyenggara stadium untuk kegunaan aktiviti sukan seperti permainan dan olahraga, kegiatan kebudayaan, riadah, perentang masa, pertunjukan dan perbarisan. Pada tahun 2005, Perbadanan telah memperoleh hasil berjumlah RM624,711 manakala perbelanjaan mengurus pula berjumlah RM687,078.

#### **26. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan dan aset. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Skop pengauditan adalah meliputi aktiviti pengurusan kewangan bagi tempoh Januari hingga Disember 2005 yang melibatkan kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah/Deposit, pengurusan pelaburan dan pengurusan aset. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod kewangan seperti Buku Tunai, Lejar, Daftar Aset, Buku Vot, Daftar Pelaburan, Sijil Pelaburan dan Daftar Pinjaman. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dijalankan terhadap aset untuk menentukan kewujudannya di samping mengadakan lawatan, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat untuk mendapat penjelasan dan maklumat berkaitan.

## **27. PENEMUAN AUDIT**

### **27.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan merupakan elemen terpenting dalam sesuatu organisasi untuk memastikan wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan. Kawalan pengurusan yang baik serta teratur akan membantu meningkatkan produktiviti Jabatan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### **27.1.1 Struktur Organisasi**

Kakitangan atau pegawai yang mencukupi serta mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan dan kecekapan sesebuah organisasi. Seksyen 14(e) Enakmen Perbadanan 1973 menetapkan semua penjawat awam di Perbadanan adalah dilantik terus oleh pentadbiran Perbadanan dengan mengguna pakai peraturan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang. Pengurusan Perbadanan diketuai oleh seorang Pengurus Gred N 32 (Pegawai yang dipinjam dari Majlis Sukan Pahang). Perbadanan mempunyai 19 jawatan yang diluluskan, di mana hanya 16 jawatan sahaja yang telah diisi dan berjawatan tetap. Manakala 3 jawatan lagi sehingga kini masih belum diisi iaitu jawatan Pekerja Rendah Am di bawah Unit Penyelenggaraan. Pihak Audit difahamkan ekoran daripada kekosongan 3 jawatan Pembantu Rendah Am itu menjejaskan urusan penyelenggaraan Stadium terutamanya penyelenggaraan 50 tandas stadium yang digunakan serentak pada sesuatu masa. Semakan Audit mendapati Perbadanan belum mempunyai jawatan Penolong Akauntan bagi menjalankan tugas perakaunan. Pihak Audit difahamkan bahawa permohonan Perbadanan mewujudkan jawatan Penolong Akauntan ditolak dengan alasan bahawa Perbadanan tidak mempunyai hasil yang besar. Pada masa kini, Perbadanan menggunakan khidmat Firma Akauntan Swasta bagi menyediakan Penyata Kewangan Tahunannya dengan bayaran RM3,500 setahun.

#### **27.1.2 Carta Organisasi**

Pembahagian tugas dan tanggungjawab yang jelas dan lengkap memudahkan serta melancarkan pengurusan sesuatu organisasi. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyediakan Carta Organisasi. Namun begitu, Carta Organisasi ini tidak dipamerkan dan nama kakitangan juga tidak dicatat di atasnya.

### **27.1.3 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan bahawa Manual Prosedur Kerja perlu disediakan sebagai dokumen rujukan utama jabatan. Ia mengandungi objektif dan fungsi, prosedur dan proses kerja yang jelas bagi semua aktiviti utama jabatan serta menunjukkan jawatan pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Manual Prosedur Kerja hendaklah dikemaskinikan jika berlaku sebarang perubahan dalam organisasi atau proses aliran kerja. Semakan Audit mendapati Perbadanan belum menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk rujukan dan panduan kakitangannya kerana tiada pendedahan yang diberikan terhadap keperluan penyediaan Manual Prosedur Kerja.

### **27.1.4 Fail Meja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 juga menetapkan supaya Fail Meja disediakan sebagai rujukan untuk setiap pegawai semasa menjalankan tugas hariannya. Penyediaan Fail Meja perlu dititikberatkan kerana ia merupakan panduan terhadap tugas, kuasa dan tanggungjawab kakitangan dalam sesuatu organisasi. Selain itu, kakitangan juga akan memahami tentang peranan mereka dan dapat mengelakkan kelewatan dalam menyelesaikan sesuatu kerja. Pegawai dan kakitangan yang mengambil alih sesuatu jawatan akan mudah memahami tugas yang perlu dijalankan sekiranya Fail Meja disediakan dengan kemas kini. Semakan Audit mendapati Fail Meja untuk semua pegawai dan kakitangan Perbadanan tidak disediakan kerana tiada pendedahan yang diberikan terhadap kepentingan penyediaan Fail Meja yang memberi kesan kepada perjalanan tugas harian kakitangan.

### **27.1.5 Senarai Tugas**

Setiap pegawai dan kakitangan Perbadanan telah disediakan Senarai Tugas yang lengkap dan kemas kini. Pihak Audit mendapati ada pengasingan tugas dan tanggungjawab kakitangan Perbadanan diterangkan dengan jelas kecuali untuk Pembantu Tadbir yang bertugas di Unit Kewangan kerana beliau seorang sahaja yang bertanggungjawab terhadap urusan kewangan dan perakaunan Perbadanan.

### **27.1.6 Pemeriksaan Dalaman**

Arahan Perbendaharaan 308 menetapkan supaya Pegawai Pengawal atau wakilnya hendaklah dari semasa ke semasa menjalankan pemeriksaan ke atas rekod kewangan atau perakaunan yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya. Semakan Audit



terhadap Daftar Pemeriksaan Mengejut mendapati Pegawai Pengawal ada melakukan pemantauan ke atas penyelenggaraan rekod perakaunan dan kewangan secara berkala.

#### **27.1.7 Keperluan Latihan**

Keperluan latihan adalah penting bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2005 hanya seorang sahaja yang telah menghadiri latihan. Namun begitu, latihan yang dihidirinya tidak berkaitan dengan pengurusan kewangan.

#### **27.1.8 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004, setiap Agensi Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi membincangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan urusan kewangan. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Perbadanan belum lagi menubuhkan Jawatankuasa ini. Namun begitu aspek berkaitan pengurusan kewangan dan akaun ada dibincangkan semasa Mesyuarat Ahli Perbadanan Stadium yang telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2005.

#### **27.1.9 Jawatankuasa Audit**

Pekeliling Perbadanan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki setiap Agensi Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Audit yang bertujuan memberi khidmat nasihat dan menambah nilai kepada organisasi. Namun begitu, semakan Audit mendapati Perbadanan masih belum menubuhkan Jawatankuasa ini.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan adalah kurang memuaskan. Perbadanan tidak mewujudkan jawatan Penolong Akauntan untuk menguruskan kewangan, tidak mempunyai dan mewujudkan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Audit.**

## **27.2 KAWALAN HASIL**

Kawalan hasil meliputi kawalan borang hasil, pengurusan terimaan wang, keselamatan wang tunai dan kawalan perakaunan terimaan. Hasil utama Perbadanan terdiri daripada sewa padang/stadium, sewa gerai, faedah, dividen pelaburan, yuran dan jualan luar. Pada tahun

2005 hasil Perbadanan adalah berjumlah RM624,711. Semakan Audit terhadap pengurusan kawalan hasil mendapati perkara seperti berikut:

### **27.2.1 Kawalan Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki satu Daftar Borang Hasil diselenggarakan bagi merekod dan mengawal terimaan dan pengeluaran sesuatu borang hasil. Manakala Arahan Perbendaharaan 66(a) menghendaki satu perakuan dibuat bahawa resit yang diterima telah disemak dengan nombor siri dan ditandatangani di belakang helaian pertama salinan pejabat di setiap buku resit. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyelenggarakan Daftar Borang Hasil bagi Buku Resit dengan baik dan kemas kini serta dikeluarkan mengikut susunan nombor yang berturutan. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan buku resit yang diterima disemak terhadap kebetulan nombor sirinya. Arahan Perbendaharaan 68 juga telah menetapkan bahawa buku resit yang tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikunci. Pemeriksaan Audit mendapati Perbadanan mematuhi arahan tersebut.

### **27.2.2 Kebenaran Bertulis Untuk Menerima Wang**

Arahan Perbendaharaan 69 menetapkan bahawa kebenaran secara bertulis hendaklah diberi kepada pegawai yang menerima wang dan satu rekod hendaklah diselenggarakan mengenai kebenaran tersebut. Semakan Audit mendapati kebenaran bertulis ada diberi kepada semua kakitangannya bagi menyedia dan menandatangani resit. Dari temu bual pihak Audit dengan pegawai Perbadanan, perkara ini berlaku kerana kesemua pegawai yang terlibat sering bertugas di luar pejabat. Namun begitu tiada rekod diselenggarakan untuk tujuan menyimpan surat kebenaran bertulis yang dikeluarkan.

### **27.2.3 Buku Tunai**

Arahan Perbendaharaan 143(a) menetapkan Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri menyelenggara buku akaun utama seperti buku tunai dan lejar. Ketua Pejabat bertanggungjawab menentukan bahawa wang tunai dalam tangan adalah sama dengan baki di buku tunai. Manakala Arahan Perbendaharaan 144 menetapkan catatan buku tunai hendaklah dibuat mengikut susunan urusniaga. Sementara Arahan Perbendaharaan 80(b) menghendaki semua pemungut menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat dalam buku resit, buku tunai, buku akaun lain dan laporan berkomputer. Semakan Audit mendapati Buku Tunai Perbadanan telah disediakan dan terimaan telah direkodkan dengan sempurna. Semakan dan pemeriksaan juga ada dibuat oleh pegawai pengawal

pada setiap hujung hari dan bulan. Namun begitu, adalah didapati jumlah pada Buku Tunai dicatat dengan pensel.

#### **27.2.4 Penyata Penyesuaian Bank**

Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki Buku Tunai disesuaikan dengan Penyata Bank pada penghujung setiap bulan. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2005, Perbadanan tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Januari hingga bulan Disember 2005. Keadaan ini menyulitkan Perbadanan untuk mengesan sebarang kesilapan sama ada berlaku di pihak bank atau pihak Perbadanan sendiri.

#### **27.2.5 Notis Pemberitahuan Awam**

Notis pemberitahuan kepada orang awam supaya meminta resit bagi semua wang yang dibayar hendaklah dipamerkan kepada pihak awam sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 61. Tinjauan Audit mendapati notis tersebut tidak disedia dan dipamerkan di kaunter kutipan hasil seperti yang dikehendaki.

#### **27.2.6 Serahan Wang Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua wang pungutan dibankkan pada hari yang sama atau pada hari kerja berikutnya. Semakan Audit terhadap terimaan wang tunai dan cek pada bulan Julai 2005 mendapati tidak ada kelewatan memasukkan wang ke bank. Manakala Arahan Perbendaharaan 80(b) menetapkan kewajipan bagi semua pemungut untuk memastikan bahawa semua akaun mereka adalah betul dengan menyemak dan memeriksa kemasukan pada setiap hari. Semakan juga mendapati slip masuk bank bagi tempoh tersebut tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### **27.2.7 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan supaya pemeriksaan mengejut dijalankan terhadap wang pejabat iaitu wang dalam tangan, setem, cek dan sebagainya oleh seorang pegawai kanan yang tidak mengendalikan tugas kutipan hasil sekurang-kurangnya 6 bulan sekali dan direkodkan pada Daftar Pemeriksaan Mengejut. Semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan daftar tersebut juga tidak diselenggarakan.

#### **27.2.8 Daftar Cek Tak Laku**

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 1994 telah menetapkan satu Daftar Cek Tak Laku hendaklah diselenggara bagi merekod cek yang diterima oleh sesuatu jabatan untuk dibankkan dan pihak bank telah mengembalikannya semula atas sebab tertentu. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyelenggarakan daftar tersebut walaupun Perbadanan pernah menerima cek tak laku.

#### **27.2.9 Perjanjian Sewa**

Semua penyewa gerai dan kantin mempunyai perjanjian sewa dengan Perbadanan. Semakan Audit terhadap perjanjian sewa mendapati perjanjian sewa boleh ditamatkan apabila tunggakan sewa melebihi sebulan. Bagaimanapun, didapati seramai 7 daripada 71 penyewa telah diperbaharui perjanjian mereka walaupun tunggakan sewa telah melebihi 12 bulan.

#### **27.2.10 Tunggakan Hasil**

Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah RM432,107 merupakan tunggakan hasil Perbadanan tidak dapat dikutip terdiri daripada RM337,107 tunggakan sewaan dan RM95,000 untuk tunggakan levi. Bagi tunggakan yang melibatkan sewaan, sejumlah RM123,900 adalah merupakan tunggakan sewaan gerai dan kantin. Manakala sejumlah RM213,207 adalah tunggakan bagi sewaan ruang pejabat dan bilik persalinan. Daripada jumlah tersebut pemeriksaan Audit mendapati penyewa yang mempunyai tunggakan sejumlah RM51,000 tidak menandatangani perjanjian sewa dengan Perbadanan. Sehubungan itu, Perbadanan menghadapi masalah bagi mengutip tunggakan sewa daripada penyewa ini kerana tindakan undang-undang tidak dapat dilakukan oleh Perbadanan. Bagi hasil yang diperoleh melalui levi, sebanyak 15% daripada jumlah kutipan pintu masuk bagi setiap perlawanan bola sepak yang diadakan di stadium dikenakan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang. Namun begitu, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Bil. 1 Tahun 2005 bersetuju supaya Persatuan Bolasepak Negeri Pahang membayar sejumlah RM50,000 setahun bagi menggantikan pengenaan levi kepada Perbadanan untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2004. Bagaimanapun, pada tahun 2005 hanya sejumlah RM5,000 sahaja yang diterima oleh Perbadanan.

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana penyata penyesuaian bank tidak disediakan tunggakan hasil yang tinggi dan rekod tidak diselenggara dengan kemas kini.**

### 27.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Kawalan perbelanjaan merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Peruntukan yang diluluskan hendaklah dikawal supaya perbelanjaan dibuat mengikut tujuan yang ditentukan dan direkodkan dengan betul serta kemas kini. Perbelanjaan juga hendaklah dilakukan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan supaya tidak berlaku pembaziran dan perkara yang tidak diingini. Pada tahun 2005, Perbadanan telah memperuntukkan sejumlah RM659,243 bagi perbelanjaan mengurus. Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah RM687,077 telah dibelanjakan iaitu lebihan perbelanjaan berjumlah RM27,834. Butiran lengkap mengenai perbelanjaan Perbadanan adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Perbadanan**  
**Sehingga Akhir Bulan Disember 2005**

Bil.	Butiran	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Emolumen	322,100	315,550	97.97
2.	Pentadbiran	277,143	291,242	105.09
3.	Penyenggaraan Stadium	40,000	60,347	150.87
4.	Penyenggaraan Elektrik	20,000	19,938	99.69
<b>Jumlah</b>		<b>659,243</b>	<b>687,077</b>	

*Sumber: Rekod Perbadanan Stadium Darul Makmur*

Analisis Audit yang dijalankan terhadap perbelanjaan Perbadanan mendapati perbelanjaan untuk pentadbiran dan penyenggaraan stadium telah melebihi daripada peruntukan sejumlah RM14,099 atau 105.09% dan RM20,347 atau 150.87%. Pegawai Perbadanan memaklumkan lebihan belanja pentadbiran adalah disebabkan perbelanjaan seperti perbelanjaan perubatan, alat tulis dan percetakan serta penyelenggaraan pejabat telah meningkat. Selain itu, perbelanjaan bagi pinjaman pembelian kenderaan dan komputer adalah berjumlah RM10,000 berbanding peruntukan yang berjumlah RM10. Manakala lebihan perbelanjaan penyenggaraan stadium pula adalah disebabkan kos perbelanjaan program luar jangka dan peruntukan tahunan yang terhad.

### **27.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Arahan Perbendaharaan 101 menetapkan seorang Pegawai Pengawal boleh mewakilkan kuasanya bagi memperakui baucar dengan menghantar nama pegawai yang diwakilkan dengan kuasa beserta dengan tandatangan kepada Perbendaharaan. Perwakilan kuasa ini boleh terhad dan tidak boleh meliputi perkara yang telah ditetapkan oleh Pegawai Pengawal. Selain itu, Perbadanan juga perlu mematuhi kehendak Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 8 Tahun 1971 berhubung amaun dan had kelulusan pegawai mengenai pembayaran untuk membuat sesuatu pembayaran. Semakan Audit mendapati perwakilan kuasa tidak diberi secara bertulis kepada pegawai yang memperakui baucar bayaran seperti kehendak peraturan tersebut.

### **27.3.2 Buku Vot**

Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 menggariskan dengan terperinci cara bagaimana Buku Vot perlu diselenggara. Semua perbelanjaan, tanggungan dan perubahan kepada peruntukan hendaklah dikawal melalui Buku Vot bagi memastikan setiap perbelanjaan yang dilakukan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Setiap transaksi hendaklah disahkan dan ditandatangani ringkas oleh Ketua Jabatan. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggara Buku Vot secara manual seperti yang ditetapkan di dalam pekeliling berkenaan. Namun begitu, didapati transaksi di dalam Buku Vot tidak kemas kini dan tiada catatan di ruangan tanggungan belum selesai, tanggungan dikenakan serta ruangan debit dan kredit melainkan catatan di ruangan butiran dan tarikh sahaja.

### **27.3.3 Pesanan Kerajaan**

Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 84 borang Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan oleh Perbadanan. Semakan Audit terhadap Pesanan Kerajaan mendapati perkara seperti berikut:

- a) Borang Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan mengikut nombor siri yang berturutan. Manakala Pesanan Kerajaan yang telah dibatalkan telah dicap "BATAL" dan dikepil bersama semua salinan asal Pesanan Kerajaan.
- b) Perwakilan kuasa ada diberi oleh Pegawai Pengawal Perbadanan secara bertulis kepada seorang pegawai yang bertanggungjawab untuk menandatangani Pesanan Kerajaan.

- c) Pesanan Kerajaan yang masih belum diguna disimpan di tempat yang selamat dan berkunci. Bagaimanapun, ia tidak direkodkan ke Buku Daftar Pesanan Kerajaan yang disediakan.
- d) Semakan terhadap nombor siri Pesanan Kerajaan yang diterima tidak dijalankan.
- e) Pesanan Kerajaan tidak dilengkapi seperti tiada tarikh kelulusan, tandatangan pemeriksa, pengesahan oleh pegawai penerima dan juga rujukan nombor baucar.

#### **27.3.4 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(b) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002 menetapkan setiap Jabatan hendaklah menyelenggarakan Daftar Bil untuk merekodkan semua bil yang diterima daripada pembekal. Pembayaran terhadap bil hendaklah dibuat dalam tempoh sebulan dari tarikh bil/tuntutan diterima di Bahagian Kewangan dan bil yang diterima hendaklah dicap tarikh terima. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggara Daftar Bil tetapi sebahagian besar ruangan di daftar bil berkenaan tidak lengkap dan dikemaskinikan. Ruangan yang dimaksudkan adalah seperti catatan tarikh bil/perakuan bayaran/tuntutan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas kerja atau perkhidmatan atau bekalan, tarikh bil/perakuan bayaran/tuntutan diterima oleh Bahagian Kewangan, tarikh baucar disediakan dan disahkan serta tarikh dan nombor cek. Semakan Audit terhadap Daftar Bil dari bulan Januari hingga Disember 2005 mendapati 9 bil telah dijelaskan melebihi tempoh satu bulan dari tarikh bil diterima oleh Bahagian Kewangan. Tempoh kelewatan ialah antara 5 hingga 6 ½ bulan. Manakala sebanyak 8 bil yang berjumlah RM61,513 pula belum dijelaskan oleh Perbadanan sehingga bulan Disember 2005. Kebanyakan bil ini terdiri daripada bil Tenaga Nasional yang keseluruhannya berjumlah RM52,822. Pihak Audit juga mendapati tiada tandatangan ringkas sebagai bukti penyemakan telah dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap Daftar Bil.

#### **27.3.5 Panjar Wang Runcit**

Perbadanan telah memperuntukkan panjar wang runcit berjumlah RM300. Semakan Audit mendapati sebahagian besar wang panjar ini digunakan untuk tujuan perbelanjaan pos. Semakan Audit mendapati buku Panjar Wang Runcit telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun 2005, hanya sekali sahaja rekupan telah dilakukan iaitu pada bulan September. Namun begitu, pemeriksaan mengejut tidak dilakukan oleh Pegawai Pengawal terhadap Panjar Wang Runcit.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan adalah kurang memuaskan kerana rekod tidak diselenggara dengan kemas kini.**

#### **27.4 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Sehingga akhir tahun 2005, Perbadanan tidak mengendalikan sebarang Kumpulan Wang Amanah. Namun begitu, deposit sewa gerai dan elektrik berjumlah RM84,190 telah diterima oleh Perbadanan daripada 100 penyewa. Semakan Audit terhadap pengurusan dan penyelenggaraan deposit mendapati perkara berikut:

##### **27.4.1 Buku Tunai Deposit**

Arahan Perbendaharaan 156 menetapkan bahawa Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan penyelenggaraan akaun deposit mengikut peraturan yang ditetapkan dan ia hendaklah diselenggara mengikut jenis deposit yang diterima. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyelenggarakan Buku Tunai Deposit secara khusus. Perbadanan hanya merekodkan segala transaksi berkaitan dengan deposit seperti tarikh, nombor akaun, nombor resit, nombor baucar di Buku Tunai Perbadanan.

##### **27.4.2 Deposit Tidak Aktif**

Arahan Perbendaharaan 162 menjelaskan bahawa deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit tersebut boleh dikembalikan hendaklah diwartakan di dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas diwartakan, ia hendaklah dikreditkan kepada Wang Tak Dituntut. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada pegawai pengawal untuk menentukan bahawa pemberitahuan itu diwartakan dengan sewajarnya. Semakan Audit terhadap senarai baki deposit mendapati sejumlah RM3,280 deposit yang tidak lagi aktif sejak tahun 1983 masih dipegang oleh Perbadanan kerana tidak dituntut oleh pemiliknya.

**Pada pendapat Audit, pengurusan akaun deposit adalah kurang memuaskan kerana tiada Akaun Deposit/Daftar Deposit diselenggara.**



## **27.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Sehingga akhir tahun 2005, Perbadanan mempunyai pelaburan saham bernilai RM100,000 di dalam Kumpulan Modal Bumiputera Pahang. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati perkara seperti berikut:

### **27.5.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan**

Perenggan 14(1)(b), Jadual Kedua Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Pindaan) menetapkan sesuatu Perbadanan boleh menambah pegangan ekuiti, saham, pinjaman atau selainnya dengan mendapatkan persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati pelaburan Perbadanan di dalam saham Kumpulan Modal Bumiputera Pahang telah dibuat sejak tahun 1994 berjumlah 109,046.47 unit dengan kos bernilai RM100,000 iaitu pada harga RM0.917 seunit tanpa kelulusan seperti yang telah ditetapkan. Selain itu, nilai saham ini telah mengalami rosot nilai sejumlah RM66,955 iaitu pada harga RM0.303 seunit pada akhir bulan Jun 2006. Namun begitu, tiada peruntukan rosot nilai dibuat oleh Perbadanan bagi menampung rosot nilai yang dialami. Sehingga kini Perbadanan masih belum memutuskan sama ada saham tersebut perlu dijual atau tidak.

### **27.5.2 Rekod Pelaburan**

Semakan Audit terhadap rekod pelaburan Perbadanan sehingga akhir tahun 2005, mendapati urus niaga pelaburan seperti jumlah faedah dipokokkan dan dividen pelaburan dicatat dengan kemas kini. Selain itu, penyimpanan sijil pelaburan telah diurus dengan baik dan selamat.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah kurang memuaskan kerana kelulusan pelaburan tidak diperoleh dan pelaburan telah mengalami kerugian.**

## **27.6 PENGURUSAN ASET**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, aset yang diperoleh hendaklah dikawal dan direkodkan dengan sempurna. Semua penyenggaraan dan pergerakan aset juga hendaklah direkodkan ke dalam daftar yang telah ditetapkan. Aset Perbadanan adalah terdiri daripada Peralatan (Pam Air), Kelengkapan Pejabat, Sistem Hawa Dingin dan Alatan Sukan yang nilai

keseluruhannya berjumlah RM393,831. Pada tahun 2005, Perbadanan tidak memperuntukkan perbelanjaan untuk pembelian aset. Butiran lengkap aset Perbadanan adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Kedudukan Aset Tetap**  
**Perbadanan Sehingga Akhir Tahun 2005**

Bil.	Jenis Aset	Kos (RM)
1.	Peralatan (Pam Air)	72,185
2.	Kelengkapan Pejabat	217,931
3.	Sistem Hawa Dingin	23,440
4.	Alatan Sukan	80,275
<b>Jumlah</b>		<b>393,831</b>

*Sumber: Rekod Perbadanan Stadium Darul Makmur*

Semakan Audit terhadap pengurusan aset Perbadanan mendapati Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara mengikut format yang telah ditetapkan oleh pekeliling berkaitan. Maklumat berhubung pembelian, lokasi penempatan, pemeriksaan, pelupusan dan juga penyenggaraan seperti pembaikan dan pembelian alat ganti tidak dinyatakan. Semakan Audit juga mendapati harta modal dan inventori tidak dicatatkan nombor pendaftaran dan pemeriksaan fizikal tidak dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara.**

## **28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan serta pengurusan aset tidak dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Perbadanan perlu menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap aspek pengurusan, hasil, perbelanjaan, aset serta memperbaiki sistem kawalan dalaman Perbadanan.

## **MAJLIS DAERAH JERANTUT**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **29. LATAR BELAKANG**

Majlis Daerah Jerantut (Majlis) telah diwartakan pada 18 Februari 1982 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) melalui Warta P.W. No. 65 dan berkuat kuasa pada 1 Mac 1982. Ia menggantikan Lembaga Bandaran Jerantut yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 1960 mengikut Warta Kerajaan Bil. 230/60 di bawah Enakmen Lembaga Bandaran FMS Cap. 137. Majlis mempunyai kawasan seluas 120.09 km persegi daripada keluasan keseluruhan Daerah Jerantut dan 29.88 km persegi telah diwartakan sebagai kawasan operasi. Manakala selebihnya telah diwartakan sebagai kawasan kawalan. Fungsi dan tanggungjawab Majlis meliputi pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan perkhidmatan perbandaran yang cekap di kawasan Majlis. Pada tahun 2005, Majlis mempunyai hak pegangan sebanyak 7,787 iaitu 112 industri, 6,985 kediaman dan 690 perniagaan. Majlis memperoleh hasil berjumlah RM3.44 juta yang terdiri daripada kutipan cukai taksiran berjumlah RM2.11 juta, sewaan berjumlah RM733,635, lesen dan permit berjumlah RM397,528 dan hasil lain berjumlah RM195,273. Manakala perbelanjaan Majlis pula berjumlah RM3.52 juta yang terdiri daripada pembayaran emolumen berjumlah RM1.07 juta, bayaran perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM2.11 juta dan perbelanjaan lain RM341,222.

#### **30. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Majlis mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan serta mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/deposit, pelaburan dan aset di samping penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini. Pengauditan meliputi tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2005. Pengauditan dilakukan dengan menyemak rekod kewangan seperti fail, Buku Tunai, Daftar Mel, Buku Vot, Daftar Bil, Daftar Pembayaran, Daftar Cek dan Daftar Harta Modal serta minit mesyuarat. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan bagi mendapat penjelasan lanjut.

## **31. PENEMUAN AUDIT**

### **31.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan merupakan aspek penting untuk menentukan organisasi dapat berfungsi dengan lancar dan sempurna. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis mendapati perkara seperti berikut:

#### **31.1.1 Struktur Organisasi**

Majlis perlu mempunyai struktur organisasi yang jelas untuk menggambarkan keseluruhan fungsi dan aktiviti dalam organisasi. Merujuk kepada waran perjawatan Bil. 17 Tahun 2003 dan Bil. 83 Tahun 2004, bilangan perjawatan yang diluluskan kepada Majlis adalah sebanyak 115 jawatan yang terdiri daripada Yang Di Pertua Gred M54 dengan dibantu oleh seorang kakitangan Pengurusan Dan Profesional Gred N41 dan 113 jawatan Kumpulan Sokongan. Selain itu, Majlis juga mempunyai 14 perjawatan kontrak. Struktur organisasi Majlis terbahagi kepada 6 unit iaitu Unit Khidmat Pengurusan, Perbendaharaan, Penilaian, Kawalan Perancangan dan Senitaman, Kawalan Bangunan dan Khidmat Perbandaran. Semakan Audit terhadap senarai perjawatan mendapati 51 jawatan telah diisi manakala 64 jawatan belum diisi termasuk jawatan Penolong Akauntan. Selain itu, semakan Audit mendapati Majlis telah menyediakan carta organisasi yang lengkap dan kemas kini tetapi tidak dipamerkan.

#### **31.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan keperluan menyediakan Manual Prosedur Kerja yang merupakan rujukan rasmi Jabatan/Agensi. Ia mengandungi komponen seperti objektif, fungsi organisasi, prosedur dan proses kerja yang jelas bagi semua aktiviti Jabatan/Agensi. Semakan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja telah disediakan dengan lengkap tetapi tidak dikemaskinikan.

#### **31.1.3 Fail Meja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan bahawa Fail Meja perlu disediakan untuk setiap kakitangan sebagai rujukan semasa menjalankan tugas harian. Fail Meja disediakan perlu mengandungi perkara seperti senarai tugas, peruntukan kuasa, prosedur dan garis panduan bagi membolehkan pegawai menjalankan tugas

dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Fail Meja untuk setiap kakitangannya.

#### **31.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004, setiap Agensi Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) bagi membincangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan urusan kewangan. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun seperti yang ditetapkan.

#### **31.1.5 Keperluan Latihan**

Keperluan latihan adalah penting bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2005 sebanyak 16 latihan telah dihadiri oleh 19 kakitangan Majlis. Latihan yang dihadiri adalah seperti Pengurusan Stor dan Pengurusan Harta Modal yang dianjurkan oleh Institut Tadbir Awam Negara.

#### **31.1.6 Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menetapkan penubuhan Unit Audit Dalam di Jabatan/Agensi untuk menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menubuhkan Unit Audit Dalam seperti yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Majlis adalah kurang memuaskan kerana kekosongan jawatan yang belum diisi, tidak menyediakan Fail Meja untuk setiap kakitangan dan tidak menubuhkan Jawatankuasa pengurusan kewangan dan akaun serta Unit Audit Dalam bagi mempertingkatkan lagi pengurusan kewangan Majlis. Manakala jawatan penolong akauntan masih tidak diisi menyebabkan pengurusan kewangan Majlis tidak teratur dan sempurna.**

### **31.2 KAWALAN HASIL**

Pengauditan ke atas kawalan hasil adalah bagi menentukan hasil yang dikutip mengikut peraturan yang ditetapkan dan diakaunkan dengan sewajarnya. Hasil utama Majlis terdiri daripada cukai taksiran, sewaan, lesen dan permit, perkhidmatan dan terimaan lain, denda

dan hukuman, perolehan daripada jualan barang dan faedah daripada pelaburan. Hasil Majlis pada tahun 2005 berjumlah RM3.44 juta meningkat sejumlah RM185,336 berbanding tahun 2004 iaitu berjumlah RM3.25 juta. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan hasil mendapati perkara seperti berikut:

#### **31.2.1 Kawalan Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki satu Daftar Borang Hasil diselenggarakan bagi merekod dan mengawal terimaan dan pengeluaran sesuatu borang hasil. Manakala Arahan Perbendaharaan 68 juga telah menetapkan bahawa buku resit yang tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikunci. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggara Daftar Borang Hasil bagi buku resit, lesen dan permit dan disimpan dengan selamat serta dikeluarkan mengikut susunan yang betul.

#### **31.2.2 Kebenaran Bertulis Untuk Menerima Wang**

Arahan Perbendaharaan 69 menetapkan bahawa kebenaran secara bertulis hendaklah diberi kepada pegawai yang menerima wang dan satu rekod hendaklah diselenggarakan mengenai kebenaran tersebut. Semakan Audit mendapati kebenaran bertulis telah diberi kepada kakitangan yang berkenaan bagi menyedia dan menandatangani resit serta telah disimpan dalam fail yang khusus.

#### **31.2.3 Pengasingan Tugas**

Pengasingan tugas merupakan satu aspek penting kawalan dalaman bagi mencegah daripada berlakunya penyalahgunaan wang. Arahan Perbendaharaan 70(a) menetapkan pegawai yang menulis dan menandatangani resit hendaklah pegawai yang berlainan. Semakan Audit mendapati Majlis telah membuat pengasingan tugas kepada kakitangan yang berkenaan bagi tujuan menulis resit, menandatangani resit, merekod hasil ke buku tunai dan menyerah wang ke bank.

#### **31.2.4 Buku Tunai**

Arahan Perbendaharaan 143(a) menetapkan Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri menyelenggara buku akaun utama seperti buku tunai dan lejar. Ketua Pejabat bertanggungjawab menentukan bahawa wang tunai dalam tangan adalah sama dengan baki di buku tunai. Manakala Arahan Perbendaharaan 144 menetapkan catatan buku tunai hendaklah dibuat mengikut turutan urusan. Sementara Arahan Perbendaharaan 80(b) menghendaki semua pemungut menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat

dalam buku resit, buku tunai, buku akaun lain dan laporan berkomputer. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggara Buku Tunai Cerakinan dan Buku Tunai Bulanan mengikut turutan urusan niaga. Bagaimanapun, semakan tidak dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab pada setiap hari terhadap catatan di buku tunai.

#### **31.2.5 Daftar Mel**

Arahan Perbendaharaan 71(e) menetapkan Daftar Mel hendaklah disemak setiap hari dengan buku tunai oleh seorang pegawai yang dipertanggungjawabkan. Semakan Audit mendapati Majlis telah menguruskan Daftar Mel dengan lengkap dan kemas kini. Terimaan juga telah direkod dan diakaunkan dengan betul. Bagaimanapun, daftar tersebut tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### **31.2.6 Daftar Cek Tak Laku**

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 1994 telah menetapkan satu Daftar Cek Tak Laku hendaklah diselenggara bagi merekod cek yang diterima oleh sesuatu jabatan untuk dibankkan dan pihak bank telah mengembalikannya semula atas sebab tertentu. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyelenggarakan daftar tersebut walaupun Majlis pernah menerima cek tidak laku.

#### **31.2.7 Penyerahan Wang Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua wang pungutan dibankkan pada hari yang sama atau pada hari kerja berikutnya. Manakala Arahan Perbendaharaan 80(e) pula menghendaki slip kemasukan wang di semak oleh pegawai selepas wang dimasukkan ke bank. Semakan Audit terhadap terimaan wang tunai dan cek mendapati tidak ada kelewatan memasukkan wang ke bank. Manakala slip masuk bank telah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### **31.2.8 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan supaya Ketua Jabatan menjalankan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya setiap 6 bulan sekali terhadap wang tunai, syiling dan barang-barang berharga dalam simpanan. Hasil pemeriksaan mengejut hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005 Majlis tidak menjalankan pemeriksaan mengejut seperti kehendak peraturan.

### **31.2.9 Peti Besi Keselamatan**

Arahan Perbendaharaan 126(a) menetapkan semua wang tunai, cek, setem, buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang lain yang berharga yang diterima hendaklah disimpan dengan selamat dalam peti besi atau bilik kebal dengan seberapa segera yang boleh. Semakan Audit mendapati semua wang kutipan yang tidak sempat dibankkan telah disimpan dalam peti besi.

### **31.2.10 Tunggakan Hasil**

Tunggakan hasil Majlis terdiri daripada cukai taksiran dan sewaan. Hasil tertunggak Majlis yang terkumpul pada tahun 2005 berjumlah RM1.35 juta meliputi tunggakan cukai taksiran berjumlah RM1.27 juta dan sewaan berjumlah RM78,649. Semakan Audit terhadap tunggakan hasil Majlis mendapati perkara seperti berikut:

#### **a) Tunggakan Hasil Cukai Taksiran**

Mengikut laporan prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran am bagi tahun 2005 jumlah tunggakan cukai taksiran adalah RM1.27 juta meningkat sejumlah RM154,514 berbanding RM1.12 juta pada tahun 2004. Semakan Audit terhadap laporan prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran sehingga akhir tahun 2005 mendapati sebuah syarikat iaitu Syarikat Emporium Jaya Sdn. Bhd. mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi berjumlah RM219,463. Majlis telah mengambil tindakan dengan menghantar notis tuntutan kepada pemilik harta tersebut untuk mengutip tunggakan.

#### **b) Tunggakan Sewaan**

Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah RM733,635 telah dikutip dari hasil sewa yang terdiri daripada sewa semasa dan tunggakan berjumlah RM701,191, sewa dewan/bilik mesyuarat berjumlah RM15,850, sewa bangunan berjumlah RM11,521 dan sewaan lain berjumlah RM5,073. Pada tahun 2005, jumlah tunggakan Majlis adalah berjumlah RM78,649 yang meliputi 26 penyewa bangunan dan gerai Majlis. Analisis Audit terhadap tunggakan sewaan mendapati jumlah tunggakan telah menurun sejumlah RM25,225 iaitu daripada RM103,874 pada tahun 2004 kepada RM78,649 pada tahun 2005 seperti di **Jadual 23**.



**Jadual 23**

**Tempoh Tunggakan Sewaan Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Tempoh (Tahun)	Tunggakan Sewaan	
	2004 (RM)	2005 (RM)
Kurang 2 tahun	-	-
2 hingga 3 tahun	84,198	66,803
4 tahun ke atas	19,676	11,846
<b>Jumlah</b>	<b>103,874</b>	<b>78,649</b>

*Sumber: Rekod Majlis Daerah Jerantut*

Semakan lanjut mendapati 3 penyewa yang mempunyai tertunggak sewa melebihi RM10,000 seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**

**Tunggakan Sewaan Yang Melebihi RM10,000**

Bil.	Nama Penyewa	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	Abd Azam Bin Abd Rahman	36	26,000
2.	Mazlan Bin Abu	9	10,800
3.	Perkhidmatan Teksi	42	14,916
<b>Jumlah</b>			<b>51,716</b>

Pada pendapat Audit, pengurusan hasil Majlis adalah kurang memuaskan kerana kawalan dalaman terhadap hasil tidak mengikut peraturan kewangan dan tunggakan hasil cukai taksiran telah meningkat.

**31.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Kawalan perbelanjaan merupakan aspek penting pengurusan sesebuah organisasi. Peruntukan yang diluluskan hendaklah dikawal supaya perbelanjaan dibuat mengikut tujuan yang ditentukan dan perolehan dapat diuruskan dengan cekap, berkesan dan tidak berlaku pembaziran. Pada tahun 2005, Majlis telah diperuntukkan sejumlah RM6.02 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM1.53 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah RM3.22 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM302,704 untuk perbelanjaan pembangunan seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Peruntukkan Dan Perbelanjaan Majlis Pada Tahun 2005**

Bil.	Butiran	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Emolumen	2,200,119	1,070,276	48.65
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	3,654,342	2,107,217	57.66
3.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	88,811	21,500	24.10
4.	Harta Modal	66,460	2,875	4.32
5.	Perbelanjaan Lain	10,231	14,143	138.24
6.	Perbelanjaan Pembangunan	1,530,000	302,704	19.78
<b>Jumlah</b>		<b>7,549,963</b>	<b>3,518,715</b>	

*Sumber: Rekod Majlis Daerah Jerantut*

Analisis Audit mendapati peruntukan emolumen, pemberian dan kenaan tetap, harta modal dan perbelanjaan pembangunan telah kurang dibelanjakan berbanding dengan peruntukan.

### 31.3.1 Buku Vot

Buku Vot merupakan rekod utama untuk mengawal peruntukan Jabatan. Mengikut Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 Buku Vot perlu diselenggara dengan kemas kini dan diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggara Buku Vot dengan kemas kini. Namun begitu, ia tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

### 31.3.2 Kawalan Perolehan

Agensi Kerajaan yang diberi peruntukan Kerajaan Negeri hendaklah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan mengenai perolehan. Semakan Audit terhadap perolehan mendapati perkara seperti berikut:

#### a) Tender

Arahan Perbendaharaan 171.1 menetapkan tender terbuka hendaklah dipelawa untuk bekalan yang nilainya melebihi RM200,000 setahun. Manakala Arahan Perbendaharaan 191 menetapkan semua perolehan yang dipelawa secara tender hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan. Semakan Audit mendapati

sehingga akhir tahun 2005 sebanyak 4 tender perolehan kerja berjumlah RM963,443 telah dikeluarkan dan dipilih oleh jawatankuasa yang dilantik. Selain itu Majlis juga menyelenggarakan daftar tender dengan lengkap dan kemas kini.

**b) Sebut Harga**

Arahan Perbendaharaan 170.1 menetapkan pembelian satu jenis item yang melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM200,000 setahun boleh dibuat dengan mempelawa sebut harga daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan. Arahan Perbendaharaan 170.3(a) menetapkan keputusan hendaklah dibuat oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada 3 orang dan dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal sendiri atau pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengawal berkenaan. Semakan Audit mendapati 20 sebut harga berjumlah RM1.85 juta telah dikeluarkan dan dipilih oleh Jawatankuasa sebut harga yang dilantik. Selain itu, daftar sebut harga juga diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Pesanan Kerajaan**

Arahan Perbendaharaan 176.1(b) menghendaki Pesanan Kerajaan dikeluarkan pada waktu pesanan dibuat. Semakan Audit mendapati sebanyak 59 Pesanan Kerajaan berjumlah RM67,584 dikeluarkan setelah bil diterima daripada pembekal. Majlis juga mengeluarkan Pesanan Kerajaan tidak mengikut nombor turutan.

**31.3.3 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103(a) menghendaki semua bil dibayar dengan segera dalam tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima. Manakala Arahan Perbendaharaan 103(b) menetapkan Daftar Bil hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati semua bil tidak dicap tarikh diterima menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan pembayaran dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Daftar Bil telah diselenggarakan bagaimanapun, ruangan tarikh bil diterima dicatat mengikut tarikh bil. Selain itu, daftar tersebut juga tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali sebulan oleh Ketua Jabatan.

**31.3.4 Penyata Penyesuaian Bank**

Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki Penyata Penyesuaian Bank disediakan pada setiap akhir bulan. Semakan Audit mendapati Penyata Penyesuaian Bank tidak

diselenggarakan dengan betul, akibatnya Majlis tidak dapat mengesan kesilapan di penyata bank atau rekod kewangan Majlis sendiri.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Majlis adalah kurang memuaskan kerana peruntukan kurang dibelanjakan, bil tidak dicap tarikh terima dan Penyata Penyesuaian Bank tidak diselenggarakan dengan betul.**

#### **31.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Sehingga akhir tahun 2005, pelaburan Majlis adalah berjumlah RM60,000 dalam bentuk simpanan tetap dan tiada pelaburan baru dalam tahun 2005. Pelaburan tersebut telah dirujuk dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Ahli Majlis. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan Majlis mendapati daftar simpanan tetap Majlis tidak diselenggarakan. Faedah daripada simpanan tetap yang matang berjumlah RM1,800 telah diterima dan diakaunkan dengan betul. Bagaimanapun, sijil simpanan tetap Majlis yang berjumlah RM50,000 didapati telah hilang. Majlis telah mengambil tindakan segera dengan meminta sijil tersebut daripada institusi kewangan berkenaan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan Majlis adalah kurang memuaskan kerana daftar simpanan tetap tidak diselenggara dan sijil simpanan tetap telah hilang.**

#### **31.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Pada tahun 2000, Majlis telah memperoleh pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM175,790. Tujuan pinjaman ini adalah untuk digunakan bagi maksud pembiayaan keperluan pelaksanaan Sistem Integrasi Majlis. Semakan Audit mendapati perjanjian antara Majlis dengan Kerajaan Negeri Pahang bagi pinjaman tersebut telah dimeterai pada 21 Jun 2000. Tempoh pinjaman adalah selama 7 tahun dengan 2 tahun tempoh pertanggunghan dan 5 tahun bagi tempoh bayaran balik. Mengikut perjanjian, tarikh bayaran balik mula berkuat kuasa pada bulan Jun 2002 sehingga Jun 2006 dengan 5 kali bayaran. Sehingga akhir tahun 2005, Majlis belum membuat sebarang bayaran balik kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM140,632.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman adalah kurang memuaskan kerana Majlis belum membuat sebarang pembayaran balik pinjaman seperti mana mengikut perjanjian.**

### **31.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Majlis menyelenggara 1 Akaun Amanah iaitu Akaun Pinjaman Kenderaan serta 2 Akaun Deposit iaitu Deposit Sewaan dan Deposit Pelbagai. Sehingga akhir tahun 2005, Akaun Pinjaman Kenderaan masih lagi berbaki sejumlah RM1,518 untuk seorang peminjam. Manakala baki akaun deposit pula berjumlah RM165,136 melibatkan 201 pendeposit untuk cagaran gerai dan bangunan. Semakan Audit terhadap pengurusan Akaun Pinjaman Kenderaan mendapati ia telahpun diurus selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Manakala bagi Akaun Deposit, sejumlah RM24,305 telah dikeluarkan untuk menyelesaikan tunggakan sewa 20 pendeposit.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah/Deposit adalah memuaskan.**

### **31.7 PENGURUSAN ASET**

Sehingga akhir tahun 2005, aset Majlis bernilai RM18.52 juta yang terdiri daripada tanah, bangunan, kenderaan dan kelengkapan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset Majlis mendapati perkara seperti berikut:

#### **31.7.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menghendaki pihak pengurusan menyelenggara daftar harta modal dan inventori. Pemeriksaan Audit terhadap 10 daftar harta modal mendapati Majlis tidak menyelenggara daftar harta modal dengan kemas kini dan sempurna. Majlis juga tidak menyediakan daftar inventori bagi merekod inventori Majlis.

#### **31.7.2 Pemeriksaan Tahunan**

Pemeriksaan tahunan terhadap aset perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun sebagaimana kehendak Perenggan 238 Tatacara Pengurusan Stor. Pemeriksaan ini penting untuk menentukan kewujudan dan menilai tahap kerosakan aset berkenaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dengan segera. Semakan Audit

mendapati Majlis tidak melaksanakan pemeriksaan terhadap aset sebagaimana yang dikehendaki.

### **31.7.3 Pengurusan Kenderaan**

Majlis memiliki sebanyak 29 buah kenderaan iaitu 11 lori, 3 jentera, 9 jentera berat, 3 kenderaan pacuan empat roda, 2 motosikal dan sebuah van. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### **a) Pelantikan Pegawai Pengangkutan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, menetapkan ketua jabatan di setiap Agensi Kerajaan yang mempunyai lebih 20 buah kenderaan dikehendaki melantik Pegawai Pengangkutan yang mempunyai kelulusan mekanikal untuk menguruskan hal ehwal kenderaan berkenaan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak melantik seorang pegawai pengangkutan walaupun bilangan kenderaan Majlis melebihi 20 buah.

#### **b) Penyelenggaraan Buku Log Kenderaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki Buku Log disediakan bagi setiap kenderaan dan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit terhadap Buku Log bagi 12 buah kenderaan mendapati ia tidak diselenggara dengan kemas kini.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset Majlis adalah kurang memuaskan kerana pegawai pengangkutan tidak dilantik dan Buku Log tidak diselenggara dengan kemas kini.**

## **32. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis adalah kurang memuaskan kerana kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan serta pengurusan aset tidak dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Majlis perlu mengisi jawatan penting seperti Penolong Akauntan menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap aspek pengurusan, hasil, perbelanjaan, aset serta memperbaiki sistem kawalan dalaman Majlis. Selain itu, Majlis juga perlu mempertingkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap peraturan kewangan di kalangan kakitangan terutama di dalam pengurusan kewangan dan aset.

## **BAHAGIAN IV PERKARA AM**

### **33. PENDAHULUAN**

**33.1** Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Adalah didapati perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2003, sebahagiannya telah diselesaikan manakala sebahagian lagi masih dalam siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang. Kedudukan masa kini bagi perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004 adalah seperti di bawah.

### **34. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2004**

#### **34.1 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PENGURUSAN KEWANGAN**

Hasil pengauditan pengurusan kewangan terhadap Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri mendapati kelewatan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan bagi sistem lama (SPEN) dan sistem baru (SPEKS). Kelewatannya adalah antara 1 hingga 3 bulan bagi penyerahan penyata bulan Januari hingga April 2004. Jawatankuasa Tunggakan Hasil hanya bermesyuarat sekali sahaja pada tahun 2004. Selain itu, baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan terus meningkat. Peningkatan pinjaman adalah disebabkan terimaan pinjaman pada tahun 2004 bagi projek Bekalan Air. Kerajaan Negeri juga masih kurang berkemampuan bagi membuat bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan mengikut jadual. Pengauditan yang dijalankan terhadap Sistem Perakaunan Berkomputer Kerajaan Negeri (SPEKS) pula mendapati pengguna boleh memasuki sistem dengan menggunakan kata laluan sebanyak satu aksara sahaja. Prosedur menetapkan penukaran kata laluan setiap 3 bulan sekali tidak dipatuhi.

### **Kedudukan Masa Kini**

Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank bagi Akaun Terimaan dan Akaun Bayaran tahun 2005 bertambah baik. Penyata Penyesuaian Bank ini telah disediakan secara sistem sepenuhnya mulai bulan Jun 2006. Bagi mengurangkan tunggakan hasil, Kerajaan Negeri bersetuju melantik agen pengutip tunggakan hasil seperti dalam Minit Mesyuarat Tunggakan Hasil Bil 1/2005 bertarikh 23 Jun 2005. Jumlah tunggakan bayaran balik menunjukkan penurunan kerana adanya penjadualan semula bagi 32 pinjaman berkuatkuasa 1 Jun 2004. Peningkatan tunggakan hutang Agensi disebabkan kegagalan Agensi membuat bayaran balik. Pada tahun 2005, didapati ia telah meningkat kepada RM15.68 juta berbanding RM1.75 juta pada tahun 2004. Sehingga kini tidak ada prosedur rasmi diwujudkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal kata laluan. Bagi mengatasi masalah pada kemudahan rangkaian, Perbendaharaan Negeri menetapkan seramai 9 juruteknik komputer di setiap Pejabat Daerah.

### **34.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH BERA, PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB, JABATAN KERJA RAYA DAN PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

Kedudukan tahap pengurusan kewangan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

#### **a) Kawalan Pengurusan**

- i) Manual Prosedur Kerja bagi 4 Jabatan/Pejabat yang dilawati tidak lengkap dan kemas kini.
- ii) Sebahagian kakitangan Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian belum mempunyai Fail Meja.
- iii) Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak mematuhi Pekeliling berkaitan.

#### **b) Kawalan Hasil**

Pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan barang berharga lain tidak dilakukan di Pejabat Daerah Dan Tanah Bera.

#### **c) Kawalan Perbelanjaan**

Tahap kawalan perbelanjaan semua Jabatan/Pejabat yang dilawati pada keseluruhannya adalah memuaskan.



**d) Pengurusan Akaun Amanah/Deposit**

- i) Pewartaan 10 Akaun Deposit yang tidak aktif antara 8 hingga 15 tahun di Pejabat Daerah Dan Tanah Raub belum dibuat.
- ii) Kumpulan Wang Amanah Pembaikan Jalan Jabatan Kerja Raya Yang Dikorek Oleh Pihak Lain yang tidak aktif semenjak tahun 1997 belum ditutup. Baki akaun Kumpulan Wang ini berjumlah RM433,447.

**e) Pengurusan Aset**

- i) Nombor siri pendaftaran sebahagian aset tidak diberikan di kesemua 4 Jabatan/Pejabat yang dilawati. Selain itu, senarai aset juga tidak dipamerkan di lokasi ia ditempatkan.
- ii) Pemeriksaan fizikal terhadap aset Jabatan/Pejabat tidak dilakukan.
- iii) Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan keratan salinan asal yang telah dicatat tidak diceraikan.

**Kedudukan Masa Kini**

**a) Kawalan Pengurusan**

- i) Jabatan/Pejabat berkaitan telah mengemaskinikan Manual Prosedur Kerja masing-masing.
- ii) Fail Meja bagi sebahagian kakitangan Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian telah disediakan.
- iii) Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah dipatuhi sebagaimana kehendak Pekeliling berkaitan.

**b) Kawalan Hasil**

Tindakan untuk menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan barang berharga lain di Pejabat Daerah Dan Tanah Bera telah dibuat.

**c) Kawalan Perbelanjaan**

Tahap kawalan perbelanjaan adalah memuaskan.

**d) Pengurusan Akaun Amanah/Deposit**

- i) Pejabat Daerah Dan Tanah Raub sedang mengambil tindakan untuk mewartakan 10 Akaun Deposit berkenaan yang tidak lagi aktif.

- ii) Jabatan Kerja Raya sedang mengambil tindakan untuk menutup Kumpulan Wang Amanah Pembaikan Jalan Jabatan Kerja Raya Yang Dikorek Oleh Pihak Lain yang tidak aktif semenjak tahun 1997. Baki akaun berjumlah RM433,447 akan dipindahkan ke akaun hasil Negeri.

**e) Pengurusan Aset**

- i) Tindakan telah dan sedang diambil oleh setiap Jabatan/Pejabat bagi mengemaskinikan pengurusan aset termasuk memberikan nombor siri pendaftaran dan mempamerkan senarai aset.
- ii) Jabatan/Pejabat memaklumkan bahawa pemeriksaan fizikal terhadap aset Jabatan akan dilakukan.
- iii) Tindakan telah diambil oleh setiap Jabatan/Pejabat bagi memastikan setiap Buku Log kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan keratan salinan asal diceraikan.

**34.3 MAJLIS SUKAN PAHANG  
PENGURUSAN KEWANGAN**

Semakan Audit terhadap Kawalan Belanjawan Majlis mendapati Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM369,943 bagi menampung perbelanjaan Program Sukan Remaja Pahang 2003 dengan menggunakan peruntukan tahun 2004. Namun begitu, Majlis ada memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri bagi menampung perbelanjaan tersebut tetapi tidak mendapat maklum balas.

**Kedudukan Masa Kini**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengesahkan Majlis telah terlebih belanja kerana menampung Perbelanjaan Sukan Remaja Pahang 2003. Perbincangan secara lisan antara Pegawai daripada Pejabat Kewangan Perbendaharaan Negeri Pahang dan Unit Khidmat Pengurusan Dan Protokol Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang memaklumkan bahawa peruntukan tambahan tidak akan dikeluarkan. Sebaliknya telah mengesyorkan agar Majlis menampung perbelanjaan tersebut dengan menggunakan peruntukan tahun 2004 terlebih dahulu. Sekiranya tidak mencukupi, peruntukan tambahan akan dipertimbangkan. Namun begitu kebenaran membelanjakan peruntukan tahun 2004 bagi menampung perbelanjaan Sukan Negeri Pahang 2003 tidak dimaklumkan kepada Majlis secara bertulis.

#### **34.4 LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERTANIAN NEGERI PAHANG PENGURUSAN LADANG SUNGAI RASAU**

Kajian Audit terhadap pengurusan ladang kelapa sawit di Sungai Rasau mendapati pulangan hasil agak rendah daripada jangkaan. Pulangan yang rendah adalah disebabkan faktor kualiti tuaian mempengaruhi hasil tanaman.

##### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak pengurusan Lembaga telah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan berhubung dengan pengurusan ladang Sungai Rasau. Pihak L.K.P.P Corporation Sdn. Bhd. selaku Agen Pengurusan Ladang juga telah diminta oleh pihak pengurusan Lembaga untuk memastikan perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara diambil tindakan segera agar ladang milik Lembaga mencapai standard piawaian yang dikehendaki.

#### **34.5 MAJLIS DAERAH BENTONG PENGURUSAN KEWANGAN**

Kedudukan pengurusan kewangan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

##### **a) Kawalan Pengurusan**

- i) Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja sebagai panduan untuk melaksanakan setiap aktivitinya.
- ii) Bilangan perjawatan yang diisi hanya 114 daripada 155 yang diluluskan.
- iii) Majlis hanya menghantar seorang kakitangan untuk menghadiri 1 kursus berkaitan dengan kewangan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam tempoh satu tahun.

##### **b) Kawalan Hasil**

- i) Majlis tidak menyelenggara Daftar Mel dan Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- ii) Majlis tidak menyelenggara maklumat penggantian cek dalam Daftar Cek Tidak Laku bagi 13 keping yang bernilai RM9,466.

##### **c) Pengurusan Hasil**

- i) Sejumlah RM3.88 juta cukai taksiran telah tertunggak sehingga bulan Ogos 2004.

- ii) Sebanyak 166 daripada 195 bil cukai taksiran berjumlah RM261,574 yang dihantar melalui pos tidak dapat disampaikan kepada pembayar cukai.
- iii) Hasil sewa yang tertunggak berjumlah RM90,099 melibatkan 306 penyewa bangunan dan gerai Majlis.
- iv) Sebanyak 171 daripada 605 gerai milik Majlis belum dapat disewakan sehingga Oktober 2004.
- v) Majlis tidak menyediakan penyata penyesuaian hasil pada setiap bulan.

**d) Kawalan Perbelanjaan**

Maklumat berkaitan penggantian cek tidak direkodkan dalam Daftar Cek Terbatal menyebabkan sebanyak 93 keping cek bernilai RM807,639 tidak dapat ditentukan statusnya.

**e) Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit**

- i) Majlis tidak membuat penyesuaian baki akaun deposit di daftar berjumlah RM593,592 dengan baki di lejar kawalan sejumlah RM820,072.
- ii) Sejumlah RM69,589 deposit masih disimpan oleh Majlis walaupun kerja yang terlibat telah disiapkan.

**f) Pengurusan Aset**

- i) Majlis tidak menjalankan pemeriksaan terhadap asetnya setiap 2 tahun sekali.
- ii) Tanggungjawab pengurusan kenderaan telah diberikan kepada Penolong Pegawai Tadbir yang tidak mempunyai kelulusan mekanikal.
- iii) Pegawai yang menggunakan kenderaan tidak menurunkan tandatangan di ruangan Buku Log.
- iv) Pegawai yang bertanggungjawab tidak memeriksa Buku Log pada setiap bulan.
- v) Jadual penyelenggaraan, pembaikan dan pertukaran alat ganti ada dicatatkan di Buku Log tetapi tidak disahkan oleh pegawai bertanggungjawab.
- vi) Daftar Pergerakan Kad Inden tidak lengkap antaranya tarikh kad diambil dan dikembalikan tidak direkodkan, tandatangan pemandu dan penerima kad tidak diperturunkan.
- vii) Proses pemindahan hak milik 12 buah kenderaan Majlis oleh syarikat swasta dari tahun 1998 yang bernilai RM398,800 masih belum disempurnakan.

## **Kedudukan Masa Kini**

### **a) Kawalan Pengurusan**

- i) Majlis telah menyediakan Manual Prosedur Kerja.
- ii) Majlis telah melantik kakitangan kontrak seramai 13 orang dan 43 orang kakitangan sambilan bagi memenuhi keperluan Majlis.
- iii) Majlis telah menghantar kakitangannya menghadiri kursus berkaitan dengan kewangan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan melalui kerjasama daripada beberapa pihak seperti Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN).

### **b) Kawalan Hasil**

- i) Majlis telah menyenggara Daftar Mel dan Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- ii) Majlis telah menyenggara maklumat penggantian cek dalam Daftar Cek Tidak Laku bagi 13 keping yang bernilai RM9,466.

### **c) Pengurusan Hasil**

- i) Tindakan menghantar notis tuntutan melalui pihak peguam telah dilakukan. Hasilnya tunggakan cukai taksiran Majlis telah berkurang kepada RM3.08 juta daripada RM3.88 juta.
- ii) Majlis telah mengambil tindakan mengesan alamat pembayar cukai terutama pemilik-pemilik pangsapuri dengan kerjasama pihak pengurusan pangsapuri.
- iii) Majlis telah menghantar notis tuntutan kepada penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan.
- iv) Majlis telah membuat tawaran bagi menyewa 171 unit yang terdiri daripada kuarters dan gerai milik Majlis. Namun begitu sehingga kini tidak ada sambutan diterima daripada orang ramai.
- v) Majlis telah menyediakan penyata penyesuaian hasil pada setiap bulan.

### **d) Kawalan Perbelanjaan**

Majlis telah mengenal pasti maklumat berkaitan penggantian cek sebanyak 93 keping cek bernilai RM807,639 dan telah merekodkan ke dalam Daftar Cek Terbatal.

**e) Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit**

- i) Majlis dalam proses mengemas kini dan membuat penyesuaian baki akaun deposit di daftar berjumlah RM593,592 dengan baki di lejar kawalan berjumlah RM820,072.
- ii) Majlis hanya akan memproses wang deposit yang hendak dikembalikan sekiranya terdapat permohonan daripada pendeposit setelah tempoh tanggungan kecacatan tamat.

**f) Pengurusan Aset**

- i) Majlis telah menjalankan pemeriksaan terhadap asetnya pada tahun 2005 dan tindakan melupuskan aset yang tidak ekonomik telah dijalankan.
- ii) Pengurusan kenderaan masih diberikan kepada Penolong Pegawai Tadbir dengan kerjasama daripada Ketua Kerani kerana kelulusan perjawatan memerlukan persetujuan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.
- iii) Majlis telah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas Pengurusan Buku Log iaitu dengan menurunkan tandatangan bagi pegawai yang menggunakan kenderaan, pemeriksaan Buku Log, pengesahan Jadual penyelenggaraan, pembaikan dan pertukaran alat ganti dan penyelenggara Daftar Pergerakan Kad Inden.
- iv) Majlis masih menunggu keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri mengenai proses pemindahan hak milik kenderaan Majlis kepada syarikat swasta.

**35. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN AKTIVITI JABATAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dan Aktiviti Jabatan bagi tahun 2004 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 18 April 2006.

**36. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang baru sahaja selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003. Pada tahun 2005, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 8 kali. Perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 26**. Selaras dengan peranan jawatankuasa untuk mewujudkan Akauntabiliti

Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji kes-kes lama yang belum selesai dan memastikan syor-syor jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

**Jadual 26**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri**  
**Pada Tahun 2005**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Jabatan/Agensi</b>	<b>Perkara</b>
1.	07.02.2005	i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri(Dewan Negeri) ii) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri(Perumahan) iii) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang	Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Aset.  Projek Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan dan Aset.
2.	03.03.2005	i) Pejabat Pembangunan Negeri Pahang ii) Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang iii) Jabatan Kehakiman Dan Syariah Negeri Pahang iv) Jabatan Pertanian Negeri Pahang	Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Aset.  Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Negeri.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan dan Aset.  Program Pembangunan Usahawan Tani.
3.	17.03.2005	i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis iii) Majlis Daerah Raub iv) Majlis Daerah Maran	Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit, Pinjaman, Pelaburan dan Aset.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset.  Projek Pembangunan Bandar Baru Sungai Jerik
4.	14.06.2005		Mengesah Minit Mesyuarat Dan Siasatan Terhadap laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pahang Tahun 2002.
5.	18.08.2005	i) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang ii) Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Pahang iii) Majlis Daerah Pekan	Pengurusan Dan Kawalan Pembalakan.  Skim Pinjaman Ternakan.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset.



<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Jabatan/Agensi</b>	<b>Perkara</b>
6.	26.09.2005	i) Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands iii) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang iv) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang v) Majlis Daerah Cameron Highlands	Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan dan Aset.  Projek Pertumbuhan Desa.  Pengurusan Kewangan Agensi meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan dan Aset.  Projek Perumahan Puncak Arabella.
7.	18.10.2005	i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri ii) Jabatan Agama Islam Negeri Pahang iii) Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang	Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit, Pinjaman, Pelaburan dan Aset.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset.  Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset.
8.	13.12.2005		Mengesah Minit Mesyuarat Dan Siasatan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pahang Tahun 2003.

## **PENUTUP**

Perkara berkaitan kelemahan pengurusan kewangan yang dilaporkan perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak terlibat. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, peruntukan kewangan yang terhad, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai serta peruntukan kewangannya, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**  
**Putrajaya**

**27 Julai 2006**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2005 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2005.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A' followed by a long horizontal stroke.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia.**


**Putrajaya**


**27 Julai 2006**

**LEMBARAN IMBANGAN  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2005**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2005</i>	<i>2004</i>
		RM	RM
<b>ASET</b>			
A WANG TUNAI	8	140,015,374.86	164,924,728.16
B PELABURAN	8	125,142,797.90	126,690,034.08
		<u>265,158,172.76</u>	<u>291,614,762.24</u>
<b>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :</b>			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9 - 11	168,492,566.03	95,767,440.99
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	12	521,877.84	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	13 - 16	96,143,728.89	195,847,321.25
		<u>265,158,172.76</u>	<u>291,614,762.24</u>

*Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*


  
DATO' HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR  
19 APRIL 2006


  
HAJI AHMAD BUNIAMIN BIN HAJI ABDULLAH  
AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR  
19 APRIL 2006

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2005**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	2005	2004
		RM	RM
<b>F ASET</b>			
1 PINJAMAN BOLEH TUNTUT	17	249,918,986.29	247,040,902.39
2 PENYATA PELABURAN	18	376,912.00	376,912.00
3 TUNGGAKAN HASIL NEGERI		59,296,633.75	67,315,749.53
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>309,592,532.04</b>	<b>314,733,563.92</b>
<b>G TANGGUNGAN</b>			
1 HUTANG KERAJAAN NEGERI	19	1,587,926,109.61	1,522,014,707.16
<b>JUMLAH TANGGUNGAN</b>		<b>1,587,926,109.61</b>	<b>1,522,014,707.16</b>

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*

  
**DATO' HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH**  
 PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
 PAHANG DARUL MAKMUR  
 19 APRIL 2006

  
**HAJI AHMAD BUNIAMIN BIN HAJI ABDULLAH**  
 AKAUNTAN NEGERI  
 PAHANG DARUL MAKMUR  
 19 APRIL 2006

**C** PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

Perihal	2005			2004	
	Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM		RM	
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		95,767,440.99		139,623.53	
<b>I HASIL</b>					
Hasil Cukai	93,715,632.75	108,874,482.17	22.41	98,633,875.49	20.29
Hasil Bukan Cukai	244,156,298.46	281,696,517.05	58.00	297,287,609.38	61.16
Terimaan Bukan Hasil	91,775,892.20	95,130,657.98	19.59	90,122,633.70	18.55
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>429,647,823.41</b>	<b>485,701,657.20</b>	<b>100.00</b>	<b>486,044,118.57</b>	<b>100.00</b>
<b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	170,161,419.79	167,391,815.98	40.53	164,320,554.06	42.09
Perkhidmatan dan Bekalan	83,207,450.72	81,231,739.28	19.67	77,434,905.95	19.83
Aset	8,774,197.00	8,264,076.89	2.00	5,767,626.93	1.48
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	170,861,395.00	154,885,844.26	37.50	141,306,938.83	36.19
Perbelanjaan Lain	1,207,736.00	1,203,055.75	0.29	1,586,275.34	0.41
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>434,212,198.51</b>	<b>412,976,532.16</b>	<b>100.00</b>	<b>390,416,301.11</b>	<b>100.00</b>
<b>Lebihan / (Defisit) Bagi Tahun (I - II)</b>	<b>(4,564,375.10)</b>	<b>72,725,125.04</b>		<b>95,627,817.46</b>	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>168,492,566.03</b>		<b>95,767,440.99</b>	

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,  
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan  
Sehingga 31 Mei 2006**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Tahun Penyata Kewangan Belum Diterima	Bil. Penyata Kewangan Belum Terima
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2004	2005	1
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	-	2005	1
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	-	2005	1
4.	Yayasan Pahang	2004	2005	1
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2004	2005	1
6.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	2004	2005	1
7.	Majlis Sukan Pahang	-	2005	1
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	-	2005	1
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	-	2005	1
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
10.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	-	2005	1
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	-	2005	1
12.	Majlis Perbandaran Temerloh	-	2005	1
13.	Majlis Daerah Jerantut	2004	2005	1
14.	Majlis Daerah Rompin	2004	2005	1
15.	Majlis Perbandaran Bentong	-	2005	1
16.	Majlis Daerah Cameron Highlands	-	2005	1
17.	Majlis Daerah Raub	-	2005	1
18.	Majlis Daerah Pekan	-	2005	1
19.	Majlis Daerah Lipis	2004	2005	1
20.	Majlis Daerah Bera	-	2005	1
21.	Majlis Daerah Maran	-	2005	1
<b>Jumlah</b>				<b>21</b>

**Persijilan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri,  
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan  
Sehingga 31 Mei 2006**

Agensi Negeri	Bil. Akaun Disijilkan	Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Sijil	Jenis Sijil
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>				
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	1	2002	19.01.2006	Berteguran
	1	2003	31.05.2006	Berteguran
Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	1	2004	11.05.2006	Tanpa Teguran
Yayasan Pahang	1	2003	17.02.2006	Tanpa Teguran
Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1	2004	14.11.2005	Berteguran
Perbadanan Stadium Darul Makmur	1	2004	10.10.2005	Tanpa Teguran
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	1	2003	27.10.2005	Berteguran
Lembaga Pembangunan Tioman	1	2004	14.12.2005	Tanpa Teguran
Lembaga Muzium Negeri Pahang	1	2003	08.12.2005	Tanpa Teguran
Majlis Sukan Pahang	1	2004	30.03.2006	Tanpa Teguran
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>10</b>			
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	1	2004	21.04.2006	Tanpa Teguran
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>1</b>			
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
Majlis Perbandaran Kuantan	1	2004	20.12.2005	Tanpa Teguran
Majlis Perbandaran Temerloh	1	2004	22.12.2005	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Jerantut	-	-	-	-
Majlis Daerah Rompin	-	-	-	-
Majlis Perbandaran Bentong	1	2004	05.10.2005	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Cameron Highlands	1	2004	08.02.2006	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Raub	1	2004	04.01.2006	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Pekan	1	2004	24.02.2006	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Lipis	-	-	-	-
Majlis Daerah Bera	1	2004	30.08.2005	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Maran	1	2004	05.01.2006	Tanpa Teguran
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>8</b>			
<b>Jumlah Besar</b>	<b>19</b>			



**Pembentangan Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri  
Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Mei 2006**

Agensi Negeri		Akaun Terakhir Dibentangkan		Akaun Belum Bentang	
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan	Tahun Akaun	Tarikh Sijil
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>					
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2002	24.04.2006	2003	31.05.2006
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	2002	18.04.2005	2003 2004	04.02.2005 11.05.2006
3.	Yayasan Pahang	2002	18.04.2005	2003	17.02.2006
4.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2003	21.11.2005	2004	14.11.2005
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2002	18.04.2005	2003	25.10.2005
6.	Majlis Sukan Pahang	2003	21.11.2005	2004	30.03.2006
7.	Lembaga Pembangunan Tioman	2004	24.04.2006	-	-
8.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	1999	16.10.2003	2000 2001 2002 2003	11.08.2003 16.02.2004 21.09.2004 08.12.2005
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2003	06.05.2006	2004	10.10.2005
<b>B. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>					
10.	Majlis Perbandaran Kuantan	2003	15.08.2005	2004	20.12.2005
11.	Majlis Perbandaran Temerloh	2003	21.11.2005	2004	22.12.2005
12.	Majlis Perbandaran Bentong	2003	15.08.2005	2004	05.10.2005
13.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2003	15.08.2005	2004	08.02.2006
14.	Majlis Daerah Raub	2003	15.08.2005	2004	04.01.2006
15.	Majlis Daerah Jerantut	2003	21.11.2005	-	-
16.	Majlis Daerah Lipis	2003	15.08.2005	-	-
17.	Majlis Daerah Bera	2003	15.08.2005	2004	30.08.2005
18.	Majlis Daerah Maran	2003	15.08.2005	2004	05.01.2006
19.	Majlis Daerah Pekan	2003	21.11.2005	2004	24.02.2006
20.	Majlis Daerah Rompin	2003	21.11.2005	-	-